

Kandungan



- 03** Sidang Editorial & Dari Meja Ketua Editor
-
- 12** UMP perkasakan pelajar menguasai bahasa ketiga
-
- 13** 38,000 pengunjung serbu Jom Masuk U di Kuantan
-
- 14** Makmal Chemital UMP diiktiraf antarabangsa
-
- 15** Penyelidik UMP bawa pulang 10 pingat dalam MTE
-
- 16** UMP sumbang kepakaran rawat loji air kumbahan
-
- 17** CITRex pupuk budaya penyelidikan UMP
-
- 18** Alumni perlu berganding bahu demi kecemerlangan UMP
-
- 20** Nurain menang Anugerah Saintis Muda Teknologi Hijau EYRec
-
- 21** 3 projek penyelidikan cemerlang di Archimedes 2011
-
- 22** Gabungan tokoh sastra, ahli akademik artis meriahkan Malam Puisi Riong BH-UMP
-
- 24** UMP hargai sumbangan industri
-
- 25** Perkongsian pintar UMP-KMPH pemangkin jaringan kerjasama
-
- 26** Etiqa sumbang RM 70 Ribu bantu pelajar miskin
-
- 27** UMP lancar tabung kemanusiaan bencana alam Jepun
-
- 28** UMP naik taraf sistem aplikasi tingkat keupayaan IT
-
- 29** Program KLIK ziarah pelajar luar kampus
-
- 30** 1,000 warga UMP sambut Maulidur Rasul dan ulang tahun ke-9 penubuhan UMP
-
- 31** IBM, HeiTech Padu dan UMP tubuh Pusat Kecemerlangan Kampus yang pertama di Malaysia
-
- 32** Klik-klik lensa
-
- 34** UMP, MAI jalin kerjasama tingkat daya saing industri automotif tempatan
-
- 35** UMP, TM meterai persefahaman laksana Metro-E hubung dua kampus
-
- 36** Aktiviti kesukarelawan agenda perdana MPP
-
- 37** Pilihan Raya berjalan lancar dan serentak di 2 kampus
-
- 38** Pertandingan lagu puisi IPT lahirkan mahasiswa prihatin
-
- 39** Jawatankuasa penaja alumni FKASA dilancar
-
- 40** Karnival Ponggal 1Malaysia semarakkan semangat perpaduan
-
- 41** Minggu Kebudayaan Tahun Baharu Cina dapat sambutan
-
- 42** Kor Suksis UMP curah bakti di Johor
-
- 43** MATRES'11 tingkat pemahaman pelajar minat Kejuruteraan Kimia
-
- 44** 150 pemimpin pelajar berkampung tingkat jati diri
-
- 45** 800 pelajar pupuk semangat jati diri
-
- 46** 8 IPT sertai Ekspedisi Kayak Amal Pesisir Pantai UMP 2011
-
- 47** Kunjungan Muhibah BKSS ke UMK
-
- 48** 1UMP 1Media 1Strike erat hubungan dengan media
-
- 49** Ahmad Saifuddin, Ayesha dinobatkan olahragawan, olahragawati terbaik 2010
-
- 50** Pelajar FKSA naib juara Pertandingan S-SPEC 2011 anjuran Shell
-
- 51** Rombongan UMP hulur sumbangan bantu keluarga pelajar
-
- 52** Najwa, Jurutera muda berhasrat tubuh syarikat kejuruteraan sendiri
-
- 53** Emma Sofia menempatkan diri di syarikat gergasi dunia
-
- 54** Sumber Manusia
-
- 55** Relevankah perpustakaan yang luas
-
- 56** Terbitan Terkini
-
- 58** Landskap edible serlahkan persekitaran sihat di dalam kampus
-
- 60** Pesanan untuk pelajar dan Mahasiswa Malaysia

Sidang Editorial

PENAUNG

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
daing@ump.edu.my

KETUA EDITOR

Abd Rahman Haji Safie
arahman@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA MELAYU)

Safriza Baharuddin
safriza@ump.edu.my

EDITOR (BAHASA INGGERIS)

Nor Yazhi Khamis
nyazi@ump.edu.my

WARTAWAN/PENULIS

Arman A. Rahim
arman@ump.edu.my

Mohd. Raizalhilmy Mohd Rais
hilmy@ump.edu.my

Nuraklimah Roseli
aklimah@ump.edu.my

Siti Aishah Ghani
sitiashah@ump.edu.my

Nadira Hana Ab Hamid
nadira@ump.edu.my

Lily Azwati Ab. Latip
lily@ump.edu.my

Raihana Sulaiman
raihana@ump.edu.my

Mimi Rabita Abdul Wahit
mimirabitah@ump.edu.my

Mohd. Rozmillah Othman
rozmillah@ump.edu.my

Nor Salwana Mohammad Idris
salwana@ump.edu.my

Buletin CREATE diterbitkan tiga kali setahun. Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Editor.

Sidang Editorial berhak melakukan penyuntingan terhadap tulisan yang diterima untuk penyiaran selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya menggambarkan atau mencerminkan pendapat dan sikap Buletin CREATE. Karya yang disiarkan tidak boleh diterbitkan semula tanpa kebenaran Ketua Editor.

Sidang Editorial tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sumbangan karya boleh dihantar melalui e-Mel atau pos kepada penerbit di:

EDITOR

Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tel. : 09-549 3184/3183
Faks : 09-549 3199
e-Mel : create@ump.edu.my



PEREKA GRAFIK

Azman Md Diah
azmanm@ump.edu.my

Noor Azhar Abd Rasid
noorazhar@ump.edu.my

Mohd Zulkifly Hamzah
mohdzulkifly@ump.edu.my

JURUFOTO

Khairu Aidilnisha Rizan Jalil
khairul@ump.edu.my

PEMBANTU PENERBITAN

Hafizatul Azlin Abd Aziz
lin@ump.edu.my

Norhafizah Fadzillah
hafziahf@ump.edu.my

PENGEDARAN

Ahmad Mahdi Sulaiman
mahdi@ump.edu.my

UMP jenama yang kian utuh

Salam 1 Malaysia.

Sepanjang sembilan tahun penubuhan Universiti Malaysia Pahang (UMP), kini warga UMP mampu menarik nafas lega apabila UMP semakin dikenali ramai dan mempunyai jenamanya sendiri bukan sahaja di Malaysia, malahan di seluruh dunia. Sepanjang tempoh kematangan itu, UMP telah melalui liku ranjau masa lalu dan terus berani bangun serta menempuh cabaran demi merealisasikan impian menjadi sebuah Universiti Teknologi Bertaraf Dunia.

Permulaan tahun 2011 amat menggembirakan seluruh warga UMP dengan kunjungan rasmi Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak yang sanggup turun padang menyaksikan sendiri pembangunan UMP kampus Pekan ini. Sesungguhnya, warga UMP amat terharu atas keprihatinan yang ditunjukkan beliau demi menjaga kebajikan para pelajar UMP supaya dapat menuntut ilmu dalam ruangan yang kondusif dan selesa.

Belum pun 2011 melangkah lebih jauh, warga UMP sekali lagi bertungkus lumus menjayakan penganjuran Kempen Kami Prihatin Apakah Dosaku yang telah dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Paduka Seri Rosmah Mansur yang mengagumi komitmen UMP dalam mengambil inisiatif menangani gejala sosial dan pembuangan bayi.

Tahun 2011 juga menyaksikan Naib Canselor UMP telah melancarkan Pelan Strategik 2011-2015 yang berpegang teguh kepada tiga prinsip utama iaitu pendekatan transformasi, migrasi sikap dan penajajaran strategik yang mendokong visi UMP menjadi sebuah universiti teknologi pilihan utama bertaraf dunia.

Semoga perencanaan dan kegigihan warganya, UMP terus mencipta kejayaan seperti mana yang dilaksanakan saban tahun, malahan lebih hebat lagi agar setiap kejayaan ini dapat disimpan kukuh dan menjadi ingatan dan pemangkin buat semua warganya untuk berbakti dengan lebih gigih demi Universiti tercinta ini.

Salam Tahun Baharu 2011.

Abd Rahman Haji Safie



Lawatan PM merancakkan lagi pembangunan UMP Kampus Pekan



Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak telah mengadakan lawatan rasmi beliau ke kampus tetap Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuala Pahang Pekan pada 12 Mac 2011 lalu.

Program julung kali itu dihadiri lebih 4,000 warga UMP serta penduduk sekitar Pekan dan Kuantan.

Dato' Sri Mohd Najib juga berpeluang meninjau pembangunan kampus UMP yang menempatkan tiga fakulti, iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) serta Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) yang masih dalam kerja-kerja pembinaan.

Beliau berkata, UMP akan menjadi resort kampus yang kondusif, ceria dan lestari apabila pembangunan kampus ini melatari perancangan pelancongan dalam blok pembangunan kedua, Mukim Kuala Pahang menyusuri Pantai Tanjung Gosong hingga ke Pantai Lagenda kelak.

Pada masa yang sama juga, beliau turut menyaksikan pertukaran dokumen antara UMP dengan Urban Environmental Industries Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) yang mana UMP telah

membeli 30 unit rumah di Batu Empat, Peramu Jaya yang akan dibangunkan sebagai UMP Park kelak.

Turut menyaksikan detik bersejarah tersebut ialah Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang mewakili UMP, Urban Environmental Industri Sdn. Bhd. diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Thomas Thang dan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob, yang mewakili PKNP.

Sebelum mengakhiri lawatan rasminya itu, Pedana Menteri turut mengumukan peruntukan lebih 110 juta bagi pembinaan bangunan Kompleks Pentadbiran Utama, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan dan asrama pelajar bagi penempatan 2,000 pelajar kelak.

Selain itu, beliau turut memperuntukkan laluan jalan raya dibina sepanjang dua kilometer dari Peramu menuju ke UMP bagi meningkatkan prasarana ke UMP.

Sesungguhnya, warga UMP amat bertuah dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ini yang telah merancakkan lagi pembangunan UMP Kampus Pekan.

UMP akan menjadi resort kampus yang kondusif, ceria dan lestari apabila pembangunan kampus ini melatari perancangan pelancongan dalam blok pembangunan kedua, Mukim Kuala Pahang menyusuri Pantai Tanjung Gosong hingga ke Pantai Lagenda kelak.





Isteri PM lancar Kempen Kami Prihatin “Apakah dosaku” di UMP

“..... kempen ini dijadikan sebagai landasan mengimplimentasikan Dasar Perlindungan Kanak-kanak di sekolah, IPT dan kawasan tumpuan awam agar mesej melindungi kanak-kanak disebar luas”.

- Datin Paduka Seri Rosmah Mansor

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) harus memainkan peranan dalam membentuk mahasiswa yang bukan sahaja pintar buku, bahkan juga pintar dalam kehidupan.

Ilmu yang dipelajari di universiti harus merangkumi usaha membentuk satu masyarakat yang mulia.

“Pengetahuan akademik penting, namun perlu seimbangkan dengan ilmu bukan akademik,” demikian kata isteri Perdana Menteri, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor semasa merasmikan Kempen Kami Prihatin “Apakah Dosaku” Peringkat Institusi Pengajian Tinggi di Kompleks Sukan UMP pada 24 Januari 2011 yang lalu.

Beliau berkata, paling membimbangkan apabila semakin ramai belia dan remaja terlibat dengan jenayah buang bayi sedangkan golongan ini cukup berharga untuk memacu kecemerlangan pembangunan dan kesejahteraan negara pada masa depan.

Katanya, akibat desakan ekonomi dan tekanan kos hidup yang tinggi, terdapat segelintir ibu bapa yang lalai menumpukan perhatian terhadap tanggungjawab membesarkan anak-anak dengan baik dan sempurna.

Datin Paduka Seri Rosmah turut menyarankan institusi rumahtangga dan kekeluargaan dapat diperkasakan bagi melahirkan masyarakat yang bermoral serta beretika.

Beliau menghargai komitmen UMP, Kementerian Pengajian Tinggi dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) dalam mengambil inisiatif menangani gejala sosial dan pembuangan bayi dengan penganjuran Kempen Kami Prihatin "Apakah Dosaku" Peringkat IPT ini.

Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah.

Sementara itu, Dato' Shahrizat berkata, kesedaran warga IPT terhadap seriusnya gejala penderaan kanak-kanak dan pembuangan bayi sewajarnya diterjemahkan dalam apa jua bentuk yang menambah nilai kepada usaha penyelesaian isu gejala sosial di negara ini.

Beliau mengharapkan kempen ini dijadikan sebagai landasan mengimplimentasikan Dasar Perlindungan Kanak-kanak di sekolah, IPT dan kawasan tumpuan awam agar mesej melindungi kanak-kanak tersebar luas.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dalam ucapan aluannya menyatakan pihaknya amat berbesar hati kerana berpeluang untuk UMP turut memanfaatkan platform Kempen Kami Prihatin yang diterajui secara bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Katanya, pelaksanaan Kempen Kami Prihatin Apakah Dosaku di peringkat IPT sebahagian besarnya didukung mahasiswa melalui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Menurut Dato' Daing, UMP sendiri mengubah lagu khusus bagi menunjukkan komitmen dan mengajak orang ramai sama-sama menangani permasalahan gejala sosial yang akhirnya membawa kepada isu pembuangan bayi.

Bersempena dengan program itu juga, Datin Seri Rosmah turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Puisi IPTA 2011 yang dimenangi Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan tajuk "Takut", Naib Johan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan tajuk "Seperti Inikah Dunia" dan "Suratan Lara" oleh Universiti Malaya (UM) di tempat ketiga.

Sementara itu, tempat keempat disandang Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan UMP di tempat kelima.

Selain itu, bagi menyemarakkan lagi kempen, turut diadakan pameran pendidikan dan kesedaran daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Jabatan Pelajaran Negeri Pahang dan program bual bicara bersama Imam Muda Asraf dan Akhil Hayy sebagai moderator.

Program yang julung kali diadakan ini juga mendapat sokongan dan kerjasama daripada Utusan Malaysia, Astro dan Karyawan.

Kempen selama setahun ini menyaksikan pelbagai program akan dilaksanakan dengan kerjasama MPP UMP dan Persatuan Wanita UMP (Matahari).



PM lancar Projek Teknologi Hijau UMP



Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Razak melancarkan projek teknologi hijau Universiti Malaysia Pahang (UMP), iaitu pembangunan kitar semula minyak dasar daripada minyak hitam terpakai menggunakan teknologi pengekstrakan pada 12 Mac 2011 baru-baru ini di UMP kampus Pekan.

Projek ini diusahakan secara kerjasama antara anak syarikatnya, UMP Green Technology Sdn. Bhd. dengan kerjasama Urban Environmental Industries Sdn. Bhd.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, ternyata produk yang dihasilkan ini memberi satu penyelesaian kepada pencemaran alam sekitar, yang mana dahulunya minyak hitam terpakai ini diproses menjadi bahan bakar yang mencemarkan alam sekitar.

Katanya, teknologi yang dibangunkan ini mampu meningkatkan kualiti dan kuantiti produk berbanding teknologi yang sedia ada.

"Projek yang dijalankan ini mampu menampung kapasiti maksima 40 tan minyak sehari dalam kilang yang berkeluasan empat ekar bertempat di Kawasan Perindustrian Gebeng.

"Dengan adanya projek ini, ia membantu pelbagai pihak seperti nelayan,

pengusaha bengkel penyelenggara kenderaan, industri kapal dan kilang-kilang penyimpan minyak hitam agar tidak membuang minyak ini ke laut, sungai mahupun parit.

"Jika dahulu minyak hitam terpakai ini kerap dibuang dan menyebabkan pencemaran alam sekitar, kini ianya merupakan satu sumber ekonomi yang dapat memberikan pulangan yang sangat lumayan," katanya.

Tambah beliau lagi, kesan pembangunan teknologi ini juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber petroleum mentah dengan menjana sumber baharu minyak dasar yang diproses menjadi minyak pelincir.

"Ianya juga membantu menaikkan nama industri minyak pelincir di Malaysia serta membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat sekiranya diusahakan dengan lebih meluas.

Dalam majlis itu juga, Dato' Sri Najib Tun Razak menyaksikan pertukaran dokumen antara UMP dengan Urban Environmental Industries Sdn. Bhd.

UMP yang diwakili Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Urban Environmental Industries Sdn. Bhd. diwakili Ketua Pegawai Eksekutif, Thomas Thang.





NC lancar Pelan Strategik UMP 2011-2015

“Pendekatan transformasi, migrasi sikap dan penajaran strategik bakal menjadikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai sebuah universiti teknologi pilihan utama bertaraf dunia,” kata Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan kepada kira-kira 5,000 warga UMP dalam Majlis Amanat Naib Canselor dan Pelancaran Pelan Strategik 2011-2015 di Kompleks Sukan UMP pada 25 Januari 2011 yang lalu.

Menurut Dr. Daing Nasir, pelan ini menggariskan empat objektif iaitu pertamanya melahirkan graduan yang berketerampilan melalui penawaran program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.

“Keduanya, UMP akan menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan berkaitan dengan industri.

“UMP akan menjadi peneraju

dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan tujahan dan bidang kepakaran menjadi objektifnya yang ketiga.

“Manakala, objektif keempat meletakkan UMP antara organisasi yang mengamalkan budaya kerja cemerlang dalam pengurusanannya,” ujar beliau.

Katanya, selain kerjasama pintar dengan universiti luar negara, jaringan industri menjadi tumpuan khas setiap fakulti dan jabatan untuk mendapatkan akses serta hubungan strategik dengan pihak industri.

“Kerjasama dengan Malaysian Automotive Institute (MAI) bagi Program Perantisan Siswazah baru-baru ini bakal mendedahkan pelajar kejuruteraan automotif dengan persekitaran industri.

“Pelajar siswazah dan pensyarah UMP perlu melibatkan diri dalam penyelidikan bersama industri untuk menambahbaik nilai, produk dan perkhidmatan yang disediakan.

“Dalam mencapai objektif ini UMP mengenal pasti empat bidang keberhasilan utama universiti (KRA) iaitu, peningkatan kualiti akademik, kesinambungan kewangan, pembangunan sosioekonomi dan penjenamaan UMP untuk kedudukan yang strategik,” katanya.

Menurutnya, penajajaran kompetitif memerlukan UMP mewujudkan kelainan dan keunikan berbanding IPT lain yang menawarkan program kejuruteraan termasuk dari segi program akademik, penyelidikan, perundingan dan penerbitan.

Katanya, sepanjang sembilan tahun kewujudan universiti ini, UMP berevolusi dengan dua fasa perdana iaitu, meletakkan asas sebagai universiti teknikal dan memperkukuhkan asas serta menjana kecemerlangan.

“Kecinambungan usaha mencipta kecemerlangan berterusan sebelum ini mampu membangunkan universiti ini ke arah keunggulan lestari,”

katanya.

Pelan Strategik UMP 2011-2015 ini direncana dengan mengambil kira pencapaian semasa universiti, semakan semula terhadap Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Dalam majlis itu juga, Dato’ Dr. Daing turut menyampaikan watakah pelantikan dalam merealisasikan UKRA di UMP.

Bagi KRA pertama, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Badhrulhisham Abdul Aziz dilantik menerajui usaha dalam meningkatkan kualiti akademik.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd. Yunus dilantik menerajui KRA kedua iaitu kelestarian kewangan dan KRA ketiga bagi pembangunan sosioekonomi dipimpin Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.



Warga UMP dirai dalam Cendekia Bitara

Malam Anugerah Cendekia Bitara, Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang memberi sanjungan untuk warganya yang cemerlang dalam bidang penyelidikan, penerbitan, kreativiti dan kualiti kini kembali buat kali ketiga penganjuran dengan tema 'Air Untuk Kehidupan'.

Anugerah Cendekia Bitara menampilkan tujuh kategori yang dipertandingkan iaitu Tokoh, Penerbitan (Jurnal), Penerbitan (Buku), Produk Penyelidikan, Kreativiti, Kualiti dan Paten.

Majlis disempurnakan Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob di Hotel Hyatt Regency Kuantan pada 17 April 2011 yang lalu.

Dalam ucapannya, beliau melahirkan rasa bangganya dengan kemajuan UMP dan menasihatkan agar penyelidik terus menjalankan penyelidikan agar dapat memberi faedah secara langsung kepada masyarakat dalam membangunkan negara.

Beliau turut menyeru penyelidik UMP untuk terus memberi bantuan kepakaran dan kerjasama dengan pemimpin kerajaan bagi menangani isu-isu tertentu membabitkan kepakaran mereka dalam bidang sains dan teknologi.

Sementara itu, Naib Canselor, Profesor Dato'

Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (RD&C) adalah antara agenda kritikal yang diberi perhatian dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015 sejajar dengan hasrat universiti ini peneraju inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.

Dato' Dr. Daing juga melahirkan rasa bangganya dengan pencapaian penyelidik dan terbaharu Projek Lestari yang dikenali sebagai Phytogreen berjaya ke peringkat fasa pengkomersialan dengan kerjasama pihak Ranhill Water Services Sdn. Bhd.

"Penyelidik UMP, Abdul Shukor Abd. Razak dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) telah melancarkan pembangunan sistem olahan air sisa mesra alam yang berkos rendah dan efektif. Projek ini dapat dijadikan contoh terbaik bagaimana sumber air kumbahan dipulihara bagi manfaat masyarakat umum.

"UMP juga sedang bekerjasama dengan pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk merealisasikan pelancaran makmal berpusat dijangka sekitar bulan Jun ini.

"Makmal ini akan menawarkan pengujian kimia, bahan dan bioteknologi yang bakal menjadikannya makmal perkhidmatan terbaik di Pantai Timur," katanya.

Dalam majlis ini, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) menerima Anugerah Cendekia Bitara Kategori Tokoh dan menang Anugerah Projek Penyelidikan yang membawa pulang wang tunai RM 10,000 berserta sijil penghargaan setelah hasil penyelidikannya diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Wanita UMP (Matahari) pernah menerima anugerah *Best Women Inventor* daripada *World Intellectual Property Organisation* (WIPO) hasil daripada projek penyelidikannya menemui kaedah menghasilkan gula dengan menjadikan habuk kayu yang mengandungi selulosa sebagai bahan mentah.

Kini, beliau sedang mengetuai tiga projek penyelidikan dengan tajaan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus turut memenangi Anugerah Produk Penyelidikan dan membawa pulang wang tunai RM 10,000 berserta sijil penghargaan. Beliau berjaya dalam menjalankan kajian kitar semula minyak dasar daripada minyak hitam terpakai menggunakan teknologi



pengekstrakan dalam menyelesaikan masalah pencemaran alam sekitar.

Turut menerima anugerah yang sama ialah Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdul Bari dari FKSA yang menghasilkan penyelidikan menggunakan daun lidah buaya (Aloe Vera) sebagai medium untuk mengurangkan kesan geseran dalam paip.

Profesor Madya Dr. Zularisam Ab. Wahid dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) turut menerima Anugerah Produk Penyelidikan apabila berjaya menghasilkan bahan bakar alternatif kepada bahan api fosil tidak menyumbang kepada pencemaran gas rumah hijau.

Beliau berjaya mencipta alat yang boleh memproses air kumbahan dari rumah yang menghasilkan air yang terawat dan

menghasilkan juga bahan api yang boleh digunakan untuk memasak dan pelbagai guna.

Penerima bagi Anugerah Kreativiti pula dimenangi Datin Fazia Ali, Muhammad Ilzam Jamat dan Mohd. Khairulnazri Saidi yang berjaya menang dalam reka bentuk reruai (*booth*) dalam peringkat nasional dan antarabangsa.

Bagi kategori penerbitan jurnal dimenangi Dr. Ahmed Mohamed Ahmed Haidar, Dr. Chong Fui Chin, Sunarti Abd Rahman, Profesor Dr. Jose Rajan, Fadhlur Rahman Mohd Romlay dan Profesor Dr. Korada Viswanatha Sharma.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Mohd. Hilmey Mohd Taib dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz.

“.....penyelidik UMP perlu terus memberi bantuan kepakaran dan kerjasama dengan pemimpin kerajaan bagi menangani isu-isu tertentu membabitkan kepakaran mereka dalam bidang sains dan teknologi.”

- Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Yaakob



UMP perkasa pelajar kuasai bahasa ketiga

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC) bagi meningkatkan penguasaan bahasa Mandarin di kalangan pelajar dalam memenuhi peluang pasaran pekerjaan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah berkata, penubuhan MLCC ini berupaya memperkasa agenda pengantarabangsaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UMP khususnya dalam menjalinkan hubungan kerjasama dengan universiti dari negara China,

"MLCC bersedia membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Mandarin dan berupaya menempatkan pelajar mengikuti latihan industri di China," katanya

semasa melancarkan pembukaan pusat tersebut pada 18 Januari 2011 yang lalu di Dewan Astaka, UMP.

Katanya, pihak kementerian tidak menghalang universiti dalam melakar kebitaraan masing-masing malah menggalakkan program yang boleh menggalakkan pelajar menguasai bahasa ketiga.

Datuk Saifuddin turut mengucapkan tahniah atas kejayaan UMP dalam memperkasa agenda pengantarabangsaan dengan menggariskan enam program khusus ke arah globalisasi.

Pada program berkenaan juga, beliau turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara UMP dengan Hebei University yang

ditandatangani Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz mewakili UMP.

Manakala, Hebei University diwakili Presiden Hebei University, Profesor Wang Hong Rui dan Pengarah Pejabat Antarabangsanya, Xu Jianzhong.

Menurut Daing Nasir, kerjasama dengan Hebei University ini dapat memberi manfaat dalam melahirkan graduan yang berdaya saing (kompeten) dan memenuhi kehendak industri seiring dengan Pelan Strategik Universiti.

Kerjasama ini melibatkan penempatan pelajar industri, program akademik, penyelidikan dan tenaga pengajar.

"Penubuhan MLCC ini merupakan inovasi UMP dalam merangsang pertumbuhan ekonomi di Wilayah Pantai Timur melalui jaringan kerjasama dengan Universiti di China," katanya.

Menurutnya, hubungan ini juga mampu mencapai kejayaan polisi globalisasi UMP yang berhasrat mencipta persekitaran antarabangsanya di dalam kampus dengan pengambilan pelajar antarabangsa dari China, Kemboja, Pakistan, Yemen dan sebagainya.

Penubuhan MLCC merupakan yang kedua di Malaysia selepas Universiti Malaya (UM) hasil kerjasama universiti itu dengan Beijing Foreign Studies University (BFSU).



38,000

pengunjung serbu Jom Masuk U di Kuantan



Lebih 38,000 pengunjung memeriahkan Karnival Pengajian Tinggi Negara, Jom Masuk U yang berlangsung selama dua hari di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre (SASICC), Kuantan pada 5 dan 6 Mac 2011.

Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 2011 ini adalah program anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam mempromosikan pelajar menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Pihak sekolah memberikan komitmen yang baik dalam memastikan pelajar mereka hadir menyaksikan pameran pendidikan apabila 120 sekolah di negeri Pahang ini menghantar pelajar mereka mendapatkan pendedahan mengenai pengajian tinggi selepas menduduki peperiksaan.

Kebanyakannya juga hadir bersama keluarga bagi mendapatkan khidmat nasihat pengajian, semakan kelayakan dan pembiayaan pengajian bagi membantu pelajar membuat pilihan tempat pengajian sebelum tarikh tutup permohonan.

Karnival ini juga memberi peluang pelajar, ibu bapa, guru dan orang ramai mendapatkan informasi yang tepat dan mengenai pengajian yang ditawarkan di IPT awam dan swasta, Politeknik serta Kolej Komuniti di

seluruh negara.

Karnival selama dua hari itu disertai 80 peserta pameran iaitu 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), 35 Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan 30 agensi seperti Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti.

Lain-lain yang mengambil bahagian Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Negara, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), agensi Bahagian Sekolah (BS), Bahagian Matrikulasi KPM (BMKPM), Bahagian Pendidikan Guru (BPGKPM), Majlis Guru Bimbingan dan Kaunseling Negeri, Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta lain-lain agensi.

Karnival turut diserikan dengan persembahan kebudayaan pelajar Sekolah Kebangsaan Methodist Kuantan, Sekolah Kebangsaan Ahmad Pekan dan Sekolah Kebangsaan Shah Pekan.

Selain itu ialah kuiz Jom Masuk U, persembahan seni mempertahankan diri, nyanyian dan cabutan bertuah turut memeriahkan suasana.

Hadir berkunjung melawat pameran, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Profesor Dr. Morshidi Sirat.



Makmal Chemital UMP diiktiraf antarabangsa

Makmal Pengujian Kimia & Mikrobiologi (Chemital) di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), diiktiraf mematuhi piawaian antarabangsa apabila dianugerahkan ISO 14001:2004 bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar dan makmal pertama diintegrasikan bersama Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan (OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2005 Bahagian 1).

Makmal ini turut mendapat pengiktirafan Skim Akreditasi Makmal Malaysia dalam menawarkan kerja-kerja perkhidmatan pengujian terhadap sampel berasaskan dua bidang utama iaitu pengujian kimia dan mikrobiologi.

Makmal ini juga boleh melaksanakan pengujian mikrobiologi seperti bahan produk kosmetik, ubatan tradisional dan bahan mandian. Dengan pengiktirafan ini, industri kecil sederhana (IKS) berpeluang menjalankan pengujian menggunakan kepakaran dan kemudahan di sini.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, pengiktirafan ini sejajar dengan Pelan Strategik UMP 2011-2015 untuk menjadikan UMP peneraju dalam

menyediakan perkhidmatan kepada industri terutamanya dalam menawarkan bidang kepakaran dan fasiliti di universiti ini.

“Pengiktirafan ini memberi jaminan kepada industri terhadap mutu produk pengujian yang dijalankan tidak diragui, diakui diiktiraf dan selamat.

Aspek keselamatan amat ditekankan terutamanya dalam menguruskan bahan-bahan kimia yang berbahaya dalam makmal terutamanya yang melibatkan keselamatan warga kerja dan pelajar yang menjalankan kajian,” katanya semasa Majlis Penyampaian Sijil ISO dan IMS di Dewan Bankuet 12 April 2011 yang lalu.

Beliau mengharapkan semoga usaha ini menjadi pembakar semangat kepada fakulti-fakulti lain dalam mendapatkan pengiktirafan dari badan-badan profesional yang berkaitan bagi merancakkan hubungan dengan industri di samping menjana pendapatan universiti.

Katanya, usaha-usaha diharapkan dapat menarik minat pihak luar khususnya pihak industri untuk menggunakan perkhidmatan makmal-makmal di UMP dengan keyakinan yang tinggi.

Pengarah Bahagian Akreditasi, Jabatan Standard Malaysia, Shahrul Sadri Alwi memuji langkah UMP yang berhasrat menjadi universiti pilihan utama dan peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan bidang kepakarannya.

“UMP membuat langkah bijak dalam memastikan makmalnya diakredit bagi memastikan keputusan pengujian yang jitu kepada pelajarinya dalam menghasilkan penyelidikan berkualiti malah berupaya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada industri dan pihak luar,” katanya.

Dalam majlis ini, Dekan FKKSA, Profesor Madya Zulkafli Hassan menerima sijil pengiktirafan MS ISO/IEC 17025: 2005 daripada Shahrul Sadri Alwi disaksikan Dato' Daing Nasir.

Selain itu, beliau turut menerima sijil IMS (OHSAS:2007) yang disampaikan ahli Lembaga Pengarah NIOSH Certification Sdn. Bhd., Dr. Hj. Sharudin Shari.

Chemital adalah makmal kedua selepas kejayaan Makmal Kejuruteraan Awam (CELS) yang menerima pengiktirafan ini tahun lalu.



Penyelidik UMP bawa pulang 10 pingat dalam MTE

Penyelidikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus diiktiraf apabila berjaya merangkul satu pingat emas, dua perak dan tujuh pingat gangsa dalam Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 18 hingga 19 Februari 2011 yang lalu.

Penyelidik daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Dr. Ahmad N. Abd Alla memenangi pingat emas menerusi produk penyelidikannya bertajuk 'A Cellular Energy Management System for Monitoring and Controlling Based on Time Of Power Consumption'.

Kajian ini menarik perhatian juri apabila penyelidik menemui kaedah mengetahui bacaan meter elektrik dalam masa yang singkat iaitu kurang daripada satu jam menggunakan meter pintar (*smart meter*).

Menurut Dr. Ahmad, sistem ini menjimatkan dan pengguna tidak perlu menukar meter yang sedia ada dipasang di premis bangunan ataupun rumah, malah alat ciptaannya yang penuh inovasi ini boleh menghitung bacaan meter dan pengguna boleh mendapatkan penggunaan elektrik semasa yang dihantar melalui sistem pesanan ringkas (SMS).

Katanya, alat ini boleh dipasang secara digital atau analog dan mesra pengguna berbanding yang terdapat di pasaran sama ada di dalam atau luar

negara.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Madya Dr. Hayder Abdul Bari membawa pulang pingat perak menerusi projek penyelidikannya bertajuk 'Novel Mechanical Technique To Improve The Flow In Pipelines' (UMP Octopus).

Selain beliau, Dr. Arun Gupta juga menerima pingat perak dengan tajuk penyelidikan 'Innovative Technique To Extract Keratin Protein from chicken feather'.

Dekan FKKSA, Profesor Madya Zulkafli Hassan, Pensyarah FKKSA, Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dan Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Kumaran Kadirgama masing-masing membawa pulang pingat gangsa.

Turut menerima pingat gangsa, Pensyarah FKKSA, Dr. Iqbal Ahmed dan Pensyarah Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP), Dr. Noraziah Ahmad.

MTE pada kali ini menampilkan hampir 500 produk penyelidikan dengan 65 penyertaan di kalangan agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi (IPT) dan sekolah dalam dan luar negara termasuk Korea Selatan, Poland, Taiwan, Singapura dan Sepanyol. UMP turut diumumkan menang dalam Kategori Booth Terbaik (*barespace*).



UMP sumbang kepakaran rawat loji air kumbahan



Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyumbang kepakaran apabila penyelidikannya yang merupakan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Abdul Syukor Abd. Razak berjaya menemui kaedah merawat loji kumbahan menggunakan beberapa jenis tumbuhan yang boleh digunakan untuk mengolah dan menghilangkan bahan cemar dalam air kumbahan domestik.

Projek loji kumbahan Taman Anggerik Fasa 1 ini merupakan projek perintis antara Ranhill Utilities Berhad (RUB) dan UMP dalam menyelenggara dan merawat sisa olahan air kumbahan menggunakan sistem *python green* dan *inclined plate clarfier*.

Selain UMP antara pihak terbabit adalah kerajaan negara Denmark (DANIDA), DGE Group dan Hitachi Plant Berhad.

Majlis anjuran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Ranhill Utilities Berhad (RUB) dan UMP itu disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Johor, Yang Berhormat Tan Kok Hong bertemakan "Air Untuk Bandar: Keperluan dan Cabaran" sempena Hari Terbuka Loji Rawatan Air Kumbahan Taman Anggerik Fasa 1 pada 2 April 2010 yang lalu.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor

Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru mewakili Datuk Bandar Johor Bahru, Hajah Aishah Abdul Kapi, dan Ahmad Zahdi Jamil, Ketua Pegawai Eksekutif RUB yang juga Presiden Persatuan Air Malaysia.

Menurut Tan Kok Hong, kerjasama melibatkan agensi swasta, pihak berkuasa tempatan dan universiti dalam menyumbang kepakaran ini amat membanggakan dan mengharap projek ini dapat diperluaskan di sekitar Johor mahupun di seluruh Malaysia.

"Penyelidikan UMP ini menggunakan kaedah yang lebih efektif dan kos yang lebih rendah berbanding penggunaan teknologi rawatan oksidasi yang sedia ada," katanya.

Sementara itu, menurut Dato' Dr. Daing Nasir pula, UMP membuat kajian mengenai *phytoremediation* dalam meningkatkan tumbesaran tumbuhan sesuai yang digunakan dalam menjayakan projek ini.

"Projek ini akan melihat keberkesanannya dalam jangka masa pendek dan panjang termasuk dari aspek kejuruteraan alam sekitar hinggalah kepada aspek kelestarian ekosistem (*eco-sustainable*).

"Kerjasama ini melibatkan pihak Ranhill Utilities Berhad dalam menyediakan sokongan kewangan dan kemudahan.

"Manakala MBJB menyediakan kawasan kajian selaku pemilik kawasan, yang juga memainkan peranan yang penting dalam menjayakan projek ini," ujar beliau.

Menurut Hajah Aishah, Loji Kumbahan Taman Anggerik sangat bertuah kerana telah dipilih sebagai lokasi "pilot projek" menggunakan teknologi hijau ini.

"Projek rawatan air kumbahan ini adalah yang pertama mengaplikasikan teknologi *phytoremediation* bukan sahaja di Johor, malah di Malaysia.

"Orang awam sepatutnya sedar betapa pentingnya menjaga kualiti air kumbahan kerana air ini akan dilepaskan ke sungai.

"Taraf air terawat yang dihasilkan melalui penyelidikan ini mencapai Standard A dan memenuhi standard yang ditetapkan oleh Piawaian Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pindaan 2010," katanya.

Sempena program itu, orang ramai turut mengikuti senaman Robik, program berjalan bersama komuniti melibatkan 200 pelajar sekolah sekitar taman termasuk pelajar FKASA.

Selain itu turut diadakan penyampaian sijil pengiktirafan pematuhan affluen kepada agensi swasta dan kerajaan bagi kategori pemaju hartanah, sektor kerajaan dan kontraktor penyelenggaraan.



CITRex

pupuk budaya penyelidikan UMP



Pertandingan Pameran Kreativiti, Inovasi dan Penyelidikan (CITRex) anjuran Jabatan Penyelidikan & Inovasi mampu memupuk lebih ramai penyelidik apabila hampir 70 projek penyelidikan dihasilkan dalam penganjuran julung kalinya pada 9 April 2011.

Dalam pertandingan ini sebanyak 17 projek dianugerahkan pingat emas, 33 pingat perak dan 15 projek menerima pingat gangsa.

Menurut Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus kemampuan penyelidik menghasilkan penemuan baharu dan teknologi berteraskan pengetahuan dan penyelidikan ini akan melonjakkan nama UMP di peringkat antarabangsa.

Katanya, hasil penyelidikan UMP ini akan dipertandingkan ke peringkat yang lebih tinggi sama ada peringkat kebangsaan atau antarabangsa," katanya semasa berucap dalam Majlis Penutup CITRex dan penyampaian hadiah kepada pemenang di Dewan Astaka baru-baru ini.

Dalam pertandingan ini, penyelidikan pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Dr Arun Gupta bertajuk *'Manufacturing of Nano Wood Composites by Using Carbon Nano Tubes (CNT) and Aluminum Oxide Nanoparticles'* mencatat markah tertinggi dan menerima pingat emas.

Turut menerima pingat emas, pensyarah dari fakulti yang sama Profesor Madya Dr. Hayder A. Abdulbari dengan tajuk projek *'Grafted Hibiscus Leave's Mucilage (Hi-g-Pan) As A New Drag Reducing Agent For Pipelines Carrying Gas Oil'*.

Sementara itu, pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, Asar Abdul Karim, yang menang pingat emas bagi projek bertajuk *'Asar Fonts, writing tools for Islamic and Arabic Education'* berkata, beliau amat bersyukur dengan kemenangan ini mendorongnya untuk mempertingkatkan bidang penyelidikan pada masa akan datang.

Katanya, Projek Asarfont merupakan perisian jawi yang amat mudah, murah, ringkas dan banyak memberi kemudahan kepada pengguna menggunakan aplikasi komputer.

Produk ini bukan sahaja menasarkankan pengguna kalangan kanak-kanak sahaja malah hingga peringkat dewasa dan mendapat sokongan dari Kementerian Pendidikan untuk diperkenalkan kepada pelajar sekolah Agama.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI), Ilzam Jamat berkata, program ini akan dijadikan program tahunan dan dijangka dapat melahirkan lebih ramai penyelidik berbakat besar dalam dunia penyelidikan pada masa akan datang.

PROFIL

Nama : Syed Mohamad Hamzah Al-Junid bin Syed Abdul Rahman
Tarikh Lahir : 15 Mac 1983
Tempat Lahir : Bukit Selambau, Kedah Darul Aman
Pendidikan : Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) Kelas Pertama, Universiti Malaysia Pahang
Jawatan : 1. Pengurus dan pemilik AJ Infinite Enterprise
2. Ahli Lembaga Pengarah UMP

Kejayaan dan Pencapaian:

1. Anugerah Pelajaran di-Raja – Pingat Jaya Cemerlang 2007
2. Pingat Tunku Abdul Rahman 2008 (Best IPTA/IPTS Student Session 2006/2007)
3. Anugerah Dekan, Semester I Sesi 2002/2003, Semester II Sesi 2002/2003, Semester I Sesi 2003/2004, Semester II 2003/2004, Semester I 2004/2005, Semester II 2004/2005, Semester I 2005/2006 dan Semester II 2005/2006.
4. *Student's Award 2004/2005* (Best Student Leadership Award)
5. Pingat emas untuk Invention CCM VERSION 2.1 – 20th International Invention, Innovation & Technology Exhibition ITEX 2009, Kuala Lumpur, Malaysia
6. Pingat emas untuk Invention Zero Cross Correlation Code Encoder/ Decoder for Optical Code Division Multiple Access (OCDMA) – 20th International Invention, Innovation & Technology Exhibition ITEX 2009, Kuala Lumpur, Malaysia
7. Pingat gangsa di PENCIPTA untuk projek bertajuk Zero Cross Correlation Code Encoder/ Decoder for Optical Code Division Multiple Access (OCDMA) – International Exposition of Research and Invention of Institutions of Higher Learning 2009
8. Konsultan kepada World Health Organization (WHO)
9. Konsultan kepada European Commission (EC)
10. Konsultan kepada GTZ Deutsche Gesellschaft for Technische Zusammenarbeit)

Alumni perlu berganding bahu demi kecemerlangan UMP

Siapa sangka walaupun baharu berumur 28 tahun, bekas pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) ini mampu menempatkan dirinya di antara barisan ahli perniagaan yang berjaya apabila mula melibatkan diri dalam dunia perniagaan membekal peralatan makmal dan kejuruteraan dengan hanya bermodalkan RM3,000 di awal perniagaannya.

Pilihan Sidang Editorial *Create* untuk menghiasi ruangan Personaliti Pilihan kali ini amat istimewa sekali kerana beliau mempunyai dwi peranan yang amat penting di UMP dalam satu masa. Yang Berbahagia Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid bukan sahaja terpaksa menggalas

tanggungjawab sebagai Alumni UMP yang berperanan melakukan tugas sukarelawan untuk UMP, malahan beliau juga merupakan antara Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang termuda pernah dilantik oleh UMP.

Walaupun beliau menyifatkan dirinya masih mentah berkenaan dengan selok-belok dunia perniagaan apatah lagi berkenaan pengurusan universiti, namun tanggungjawab yang diamanahkan kepada beliau untuk membangunkan UMP disambut dengan penuh semangat demi melihat universiti ini setanding dengan universiti terkemuka yang lain.

Kami di Sidang Editorial *Create*

amat berbesar hati apabila Ahli Lembaga Pengarah paling muda dalam sejarah penubuhan UMP ini, tidak keberatan untuk ditemubual dan berkongsi pengalaman serta pendapat diri dalam tatapan pembaca setia *Create*.

Segalanya Bermula di UMP

Kejayaan dalam dunia perniagaan yang dikecapi pada hari ini bermula apabila beliau berada di tahun akhir pengajian, yang mana pada ketika itu, beliau telah pun menunjukkan minat yang mendalam untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan tetapi terpaksa menangguhkan dulu hasrat tersebut bagi mendapatkan segala ilmu berkenaan dunia kejuruteraan dan segulung ijazah yang kelak dapat membantu beliau untuk menguruskan sebuah perniagaan yang dicita-citakan selama ini.

Namun, impian semakin menjadi kenyataan apabila beliau menjalani latihan industri di akhir semester pada tahun 2006 dan pada tahun itu juga beliau telah mendaftarkan perniagaannya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi memulakan perniagaannya.

Jelas beliau, pada awal perniagaan, beliau hanya menjalankan perniagaannya

seorang diri tanpa memiliki pejabat dan pekerja, namun hasil usaha keras, akhirnya pada tahun 2008, perniagaannya semakin membuahkan hasil.

“Kini saya telah pun mempunyai seramai lima orang jurutera yang bekerja di syarikat saya,” jelas Tuan Syed Mohamad Hamzah apabila diaju pengalaman beliau memulakan perniagaan tersebut.

Bak kata pepatah, kejayaan itu tidak akan datang bergolek, tanpa diiringi dengan usaha dan kerja keras. Melihat kepada kejayaan yang dikecapi pada hari ini, tidak keterlaluan jika kami di Sidang Editorial *Create* menyatakan bahawa beliau telah membuktikan bahawa hasil usaha keras dan tekad yang tinggi seseorang itu mampu merealisasikan apa jua impian yang diimpikan.

Kini, Tuan Syed Mohammad Hamzah mampu tersenyum puas apabila Syarikat AJ Infinite Enterprise yang dimilikinya bukan hanya beroperasi di Malaysia malahan telah melangkau ke peringkat global. Walaupun beliau sibuk dengan kerja hakikinya mengendalikan perusahaan tersebut, namun tanggungjawab yang diberikan selaku Ahli Lembaga Pengarah UMP juga tidak dilupakan.



Menggalas tanggungjawab sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP

“Alhamdulillah, pelantikan sebagai ahli LPU adalah sebagai pengiktirafan kepada Alumni sebenarnya. Ini menunjukkan komitmen kami sebagai Alumni UMP adalah amat penting dalam menjayakan agenda universiti,” jelas beliau apabila ditanya mengenai pelantikan sebagai Ahli Lembaga Pengarah UMP.

Tambah beliau, semoga dengan pelantikan ini, beliau mampu menambahkan input positif ke arah pembangunan UMP supaya mencapai misi dan visi menjadi Universiti Teknologi pilihan utama bertaraf dunia kelak. Apatah lagi beliau pernah menuntut di UMP dan pastinya pengalaman beliau sebagai mahasiswa amat berharga sekali kepada pihak pengurusan Universiti untuk memahami permasalahan dan kebajikan para mahasiswa dan secara tidak langsung ia dapat membantu mahasiswa mendapatkan ilmu secara berkesan bagi melahirkan bakal *real engineer* UMP.

Bercakap mengenai peranan yang perlu dimainkan sebagai salah seorang orang penting di UMP, beliau menjelaskan sebagai sebuah universiti, produk utamanya ialah para pelajar dan staf. Para pelajar hanya perlu memainkan peranan menuntut ilmu dan mendapat keputusan yang cemerlang sepanjang meneruskan pengajian di UMP dan selebihnya harus dimainkan oleh staf bagi menjamin perjalanan universiti selaras dengan apa yang direncanakan dengan jayanya.

“Sebagai sebuah universiti teknikal juga, yang membezakan antara universiti-universiti lain di Malaysia, penyelidikan yang berkualiti tidak harus dipandang enteng oleh penyelidik yang tentunya terdiri daripada para pensyarah UMP sendiri, perlulah terus proaktif dan inovatif dalam menghasilkan penyelidikan saban tahun.

“Penyelidikan yang berkualiti dan berterusan bukan sahaja

membantu para pelajar memahami subjek dengan lebih mudah tetapi ia juga membantu dalam menaikkan nama UMP menjadi salah sebuah universiti yang praktikal dan tepat dalam memberi ilmu kepada para pelajar dengan cara yang efektif dan berkesan,” ujar beliau ketika menerangkan perancangan beliau setelah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Cabaran yang dihadapi

Dalam setiap apa jua yang diceburi, pasti adanya halangan dan cabaran yang perlu dihadapi. Tidak terkecuali juga anak jati kelahiran Bukit Selambau, Kedah yang berhadapan dengan cabaran paling besar ketika pertama kali melibatkan diri dalam dunia perniagaan.

“Berpegang kepada prinsip *no turning back*, membuatkan saya cekal meneruskan perniagaan ini walaupun ketika itu keadaan amat tegang kerana perniagaan agak merosot dan kekurangan projek,” jelasnya.

Namun, cabaran tidak berhenti setakat itu sahaja, dan sehingga beliau dilantik menjadi salah seorang ahli lembaga pengarah universiti, beliau menyifatkan ia juga merupakan satu cabaran yang perlu disahut bagi membuktikan dirinya mampu menyumbang ke arah pembangunan universiti walaupun jauh lebih muda daripada ahli lembaga pengarah lain yang pastinya lebih mahir akan selok belok pengurusan universiti.

Beliau yakin, lantikan yang dibuat ini bukan calang-calang keputusan yang dibuat oleh pengurusan tertinggi tetapi telah dinilai dengan teliti dan kepercayaan yang diberikan ini akan digunakan dengan sebaik mungkin bagi membuktikan Alumni UMP bersama-sama berganding bahu demi kecemerlangan UMP ini.

Harapan dan hasrat yang menggunung

Sepanjang tempoh empat

“Usahlah kita bertanya apakah habuan yang kita dapat apabila berbakti kepada UMP tapi tanyalah diri sendiri apa bakti kita kepada UMP setelah kita sebagai seorang pelajar menjadi orang yang berjaya.....”

tahun berada di UMP, sudah cukup memberi kesan kepada beliau. Dan hari ini sekali lagi, beliau telah kembali ke UMP semula tetapi dengan posisi yang berbeza daripada tiga tahun lepas. Namun jelasnya, walaupun statusnya berbeza tapi hasrat dan niatnya tetap utuh seperti dahulu juga untuk melihat UMP menjadi universiti teknologi pilihan utama bertaraf dunia.

“Usahlah kita bertanya apakah habuan yang kita dapat apabila berbakti kepada UMP tapi tanyalah diri sendiri apa bakti kita kepada UMP setelah kita sebagai seorang pelajar menjadi orang yang berjaya

disebabkan ilmu yang dicurahkan oleh UMP dan kita dapat hidup dalam kesenangan apabila UMP menawarkan pekerjaan kepada kita dikala kita termangu-mangu mencari rezeki untuk meneruskan hidup ini,” jelasnya dengan panjang lebar sebelum mengakhiri perbualan ini.

Dengan ini, Sidang Editorial *Create* sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tuan Syed Mohamad Hamzah atas kesudian meluangkan masa untuk ditemu ramah dan diucapkan semoga hasrat dan impian beliau menjadi kenyataan.





Nurain menang Anugerah Saintis Muda Teknologi Hijau EYRec



Pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Nurain Mohd Yusoff dinobatkan penerima Anugerah Saintis Muda Teknologi Hijau EyRec dan pingat emas menerusi projek *'Sustainable Production of Alternative Sweetener From Empty Fruit Bunch Using Membrane Bioreactor (Waste to Wealth)'*.

Beliau menerima ganjaran wang tunai RM500, trofi dan sijil penghargaan dalam Pameran Reka Cipta dan Inovasi Kejuruteraan Antarabangsa (i-ENVEF) yang berlangsung di Dewan 2020 Kangar Perlis anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada 10 April 2011 yang lalu.

Selain beliau, Anugerah Khas, Best of the Best Award dan pingat emas diterima Azimah Saman dari FKKSA menerusi projek *'Sustainable Production Of Natural Dye From Waste Using Membrane Reactor (Waste to Wealth)'*.

Kedua-dua projek ini hasil penyeliaan Pensyarah Kanan FKKSA, Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim.

Turut membanggakan apabila UMP merangkul lima pingat emas, lima perak dan tujuh pingat gangsa apabila kesemua projek

yang dipertandingkan 100 peratus menerima pingat.

Pingat emas turut diterima Nurul Azreen Abdul Ghani dan Nur' Ain Abdullah menerusi projek *'Sustainable Building Material From Domestic Waste : Bio Brick'*, serta Raja Nurshafarin Raja Osman dan Nor Hidayah Dahari menerusi projek *'Sustainable Drinking Water Supply From Rain Water Harvesting by A Submerged Bio-Membrane Reactor (MEMRAIN)'* yang diselia Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Profesor Madya Dr. Zularisam Ab Wahid.

Pingat emas turut diraih Mohd Firdaus Mohd Yasin dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) menerusi projek *'Plant Watering Robot Using Solar'* yang diselia oleh pensyarah Nor Maniha Abdul Ghani.

Sementara itu, pingat perak pula dimenangi pelajar FKASA, Mohd Zulfadhli Juhari dan Ahmad Faiz Nasir bagi penyelidikan *'Application Of Biofilter System For Domestic Wastewater Treatment'*.

Lain-lain pingat perak masing-masing tiga projek dari FKASA diwakili Nadia Faira Mat Zali, Surain Szazali, Muhammad Iqram

Zulkifli, Muamar Zulikhman Mohd Nazeri, Nor Asahton Junet, Noor Alia Atiqah Ahmad Rohaidi, Norbaizurah Rahman. Pingat perak turut dimenangi pelajar FKEE, Tan Piow Yon dan Lee Kong Haur.

Sementara itu, tujuh pingat gangsa diraih dua daripada FKASA, dua daripada FKEE dan masing-masing satu daripada FKKSA, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP).

Sebanyak 292 produk inovasi daripada 600 orang penyelidik dipertandingkan melibatkan beberapa negara seperti dari Singapura, Laos, Filipina, Vietnam, Thailand, Indonesia dan Kemboja.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berbangga dengan kualiti pencapaian pelajar UMP dalam bidang penyelidikan dan mengharapkan pelajar dapat berkongsi kepakaran terhadap penyelidikan dari negara luar.

Katanya, pertandingan ini juga mampu membina hubungan serta kerjasama di kalangan penyelidik muda dari pelbagai negara.

3 projek penyelidikan cemerlang di Archimedes 2011

Oleh: MOHAMAD ILZAM JAMAT



Buat julung kalinya Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menghantar penyertaan ke pameran dan pertandingan penyelidikan terbesar di Rusia iaitu 14th Moscow International Salon of Invention & Innovation Technologies (Archimedes) 2011 yang lalu.

Pameran ini telah berlangsung pada 5 hingga 9 April 2011 bertempat di Sokolniki Eco Center Moscow.

UMP merupakan satu satunya wakil dari Malaysia dan juga penyertaan sulung agensi dari Malaysia ke pameran penyelidikan ini.

Penyertaan Profesor Madya Dr. Ahmed N. Abd Alla dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dengan penyelidikan bertajuk 'A GSM Based Smart Energy Detective System for Monitoring of Real Time Power Consumption' yang menggunakan *Smart Meter* iaitu meter elektrik yang telah dicipta khas bagi merekod kadar penggunaan elektrik yang telah digunakan dan pengguna juga boleh menyemak bil elektrik pada bila-bila masa yang dikehendaki.



Keistimewaan yang ada pada penyelidikan ini telah menarik minat panel juri di sana dan dinobatkan sebagai penerima anugerah kategori *Top Notch Award*.

Manakala penyertaan Dr. Rizalman Mamat dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dengan projek penyelidikan bertajuk 'Design of A Smart LPG Furnace' pula telah dianugerahkan pingat emas.

Penyelidikan ini telah berjaya menghasilkan relau pelebur logam bukan ferrous seperti tembaga dan aluminium dengan mempunyai ciri-ciri nilai tambah yang lebih baik berbanding relau yang sedia ada di pasaran.

Selain itu, penyelidikan bertajuk 'Development of A Membrane Anaerobic System (MAS) in Treating Of Slaughter House Wastewater' pula, berkisar tentang merawat air kumbahan dari rumah penyembelihan dengan cara yang selamat dan jimat telah dihasilkan oleh penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) iaitu Profesor Madya Dr. Abdurahman Hamid Nour dianugerahkan pingat gangsa.



Gabungan tokoh sastra, ahli akademik, artis meriahkan Malam Puisi Riong **BH-UUMP**



Sebagai pembuka tirai Kempen Kami Prihatin “Apakah Dosaku”, Malam Puisi Riong BH-UMP menyaksikan gandingan mantap tokoh sastera, akademik dan artis popular dalam menyampaikan persembahan berkonsepkan Lagu Puisi mengenai kesedaran dan keinsafan dalam menangani gejala sosial serta pembuangan bayi di negara ini.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir tampil menyampaikan persembahan puisi bertajuk “Wahai Anakku” dengan memberi nasihat dan ingatan terhadap anak-anak muda yang merupakan pewaris bangsa.

Beliau turut menyatakan kerisauan ibu bapa dalam memikul tanggungjawab demi memastikan kecemerlangan masa depan anak-anak.

“Kerjasama UMP dan Berita Harian dalam menjayakan program bertemakan pembuangan bayi ini amat sesuai dan

dekat di hati masyarakat,” katanya dalam menyampaikan ucapan alu-aluan di Malam Puisi Riong pada 11 Januari 2011 yang lalu di Kompleks Sukan UMP.

Antara artis-artis yang beraksi di Kompleks Sukan UMP ini ialah Ramli Sarip, penyanyi Jazz Taheera Rosheena; Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA) 2000, Profesor Madya Dr. Lim Swee Tin; penyair Pahang Marsli NO (Ramli Selamat), Juara Imam Muda, Muhammad Asyraf Mohd. Ridzuan.

Turut serta peserta Akademi Nasyid 2008, Mohd Shukri Naron (Cicik), penyair-penyair siber daripada Persatuan Aktivis e-Sastera, Malaysia (e-Sastera), Anbakri dan Kablam diiringi pemain keyboard Juan Einriqie yang dibawa khas dari Singapura, penyair indie, Fynn Jamal dan penampilan Ahmad Fitri Yahya (TV3) sebagai pengacara.

Tetamu kehormat yang hadir ialah

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang, Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Sultan Iskandar Al- Hajj.

Hadir sama menyampaikan puisi, Pengarah Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid, dan Setiausaha Politik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Suhaimi Ibrahim.

Selain menyaksikan persembahan menarik berunsur pendidikan serta kesedaran, tetamu juga berpeluang menghulurkan sumbangan derma Tabung “Apakah Dosaku” bagi membantu kanak-kanak terbiar dan yang kurang bernasib baik.

Lebih 3,000 di kalangan mahasiswa UMP, pelajar sekolah, IPT sekitar Kuantan dan persatuan bukan kerajaan (NGO) hadir memeriahkan program yang julang kalinya diadakan di UMP ini.



UMP hargai sumbangan industri



Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya mengiktiraf dan menyampaikan anugerah khas buat industri yang banyak menyumbang dalam mempertingkatkan program pembangunan akademik, jalinan kerjasama penyelidikan, pengkomersilan dan penempatan latihan industri dalam penganjuran Majlis Makan Malam Apresiasi UMP-Industri 2011 pada 2 April 2011 yang lalu.

Majlis yang bertemakan “UMP-Industry: Towards Synergy and Sustainable Partnership” itu adalah anjuran Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa (JHEAA) dengan kerjasama Pusat Universiti-Industri dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA).

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Profesor Dr. Rujhan Mustafa, pihaknya di bahagian Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan di negara ini.

“Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara meletakkan kebolehpasaran graduan sebagai agenda kritikal yang perlu dilaksanakan dengan sasaran sekurang-kurangnya 75 peratus graduan memperoleh pekerjaan yang sesuai dalam tempoh enam bulan setelah menamatkan pengajian,” katanya semasa

berucap bagi menyempurnakan majlis perasmian di Hotel DoubleTree By Hilton Kuala Lumpur.

“Saya yakin hubungan baik dengan industri, UMP boleh mencapai sasaran ini.

“UMP sudah pasti meletakkan strategi dalam memastikan graduannya bukan sahaja mendapat tempat di pasaran kerja dalam negara malah difahamkan ada yang bekerja di syarikat antarabangsa di luar negara,” katanya.

Sementara itu, menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim, pihaknya menerima sokongan penuh daripada pihak industri menerusi usaha sama dalam penyelidikan, latihan pembangunan staf dan latihan pelajar industri.

Beliau berkata, kerjasama industri ini terus berkembang dalam pelbagai sektor melibatkan industri automotif, teknologi hijau, ICT dan telekomunikasi.

Baru-baru ini UMP memperkukuh jalinan kerjasama dengan HeiTech Padu Berhad dan IBM dengan penubuhan Pusat Kecemerlangan Inisiatif Kampus Akademik yang pertamanya di Malaysia.

Pusat ini mensasarkan pembangunan kemahiran khususnya dalam menggunakan teknologi IBM bagi melahirkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran

dalam memenuhi keperluan pembangunan teknologi IT untuk sektor awam dan swasta di Malaysia.

Selain itu, UMP turut melancarkan projek teknologi hijau menerusi kitar semula minyak dasar daripada minyak hitam terpakai menggunakan teknologi pengekstrakan dengan kerjasama Urban Environmental Industries Sdn. Bhd.

Projek ini dilancarkan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Najib Tun Razak sempena lawatan beliau ke UMP Pekan baru-baru ini.

Pada majlis itu, turut menyaksikan Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia, Auto Part Manufacturers Co. Sdn. Bhd., Panasonic AVC Network Johor dan Petronas Carigali Sdn. Bhd. menerima anugerah khas dalam penempatan pelajar UMP menjalani latihan industri.

Selain itu, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) menerima anugerah khas apabila menyumbang 13 robot dengan nilai RM 2.3 juta bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta Perodua juga merupakan rakan industri dalam memberi sumbangan terhadap projek teknologi hijau kitar semula minyak terpakai.

Lain-lain industri yang menerima anugerah ialah Sapura Industrial Berhad, Malaysia Automotive Institute (MAI) dan IBM-HeiTech Padu Berhad.



Perkongsian pintar UMP-KMPH pemangkin jaringan kerjasama

Oleh: ROSILAVI MAT JUSOH



Program Perkongsian Pintar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan Kolej Matrikulasi Pahang (KMPH) telah merintis pelbagai program khusus untuk memangkin jaringan kerjasama di antara kedua-dua institusi ini yang telah terjalin sejak pertengahan tahun 2010.

Seiring dengan pelancaran Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang 2011-2015, salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Universiti adalah Peningkatan Kualiti Akademik di mana salah satu sasaran yang telah ditetapkan oleh UMP pada tahun 2015 iaitu 70 peratus daripada kemasukan pelajar prasiswazah berkelayakan mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.00.

Justeru, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) telah mengorak langkah proaktif dengan menganjurkan beberapa siri program Perkongsian Pintar dengan KMPH. Program ini mendapat kerjasama daripada pihak Pejabat Naib Canselor, fakulti, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta dan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa.

Objektif utama program ini ialah mendedahkan berkenaan peluang pengajian yang ditawarkan oleh UMP dan lawatan ke makmal-makmal UMP di kampus Gambang dan kampus Pekan. Aktiviti ini diadakan mengikut tahap keputusan pelajar Kolej Matrikulasi iaitu melibatkan pelajar yang memperoleh CGPA 3.50 ke atas dan 3.00 ke atas.

Ia juga sebagai salah satu pendekatan dalam mendapatkan pelajar cemerlang yang berminat untuk menyambung pengajian di UMP bagi program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanik (UMP-HsKA, Jerman) yang baharu diperkenalkan di UMP.

Antara aktiviti yang dilakukan sepanjang program ini ialah taklimat kemasukan pelajar, interaksi bersama alumni pelajar yang berjaya, interaksi bersama pelajar-pelajar UMP, lawatan ke makmal dan latihan dalam kumpulan. Dengan adanya program ini, diharapkan sasaran yang ditetapkan oleh universiti untuk mendapatkan pelajar yang berkualiti dapat dicapai.

Selain program perkongsian pintar dengan Kolej Matrikulasi Pahang (KMPH), UMP juga telah mengadakan program yang sama dengan Kolej Matrikulasi Teknikal Pontian.

BPA akan sentiasa merancang pelbagai program bukan sahaja ke kolej-kolej Matrikulasi di seluruh Malaysia malahan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain pada masa akan datang. Secara tidak langsung, melalui pendekatan ini, lepasan pelajar Kolej Matrikulasi ini juga turut akan menjadi *feeder* kepada program pengajian di peringkat Sarjana Muda dan seterusnya menjadikan UMP sebagai pilihan pertama pelajar untuk melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.



Etiqa sumbang RM 70 Ribu bantu pelajar miskin

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima sebanyak RM 70 ribu sumbangan zakat daripada pihak Etiqa Takaful Berhad bagi membantu pelajar yang mempunyai bebanan kewangan dalam menyambung pengajian mereka di universiti ini.

Majlis penyerahan cek sumbangan disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa Takaful Sdn. Bhd, Shahril Azuar Jimin kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz di Dewan Bankuet, Kompleks Pentadbiran Utama, UMP Gambang pada 25 Mac 2011 yang lalu.

Hadir sama Ketua Jabatan Agensi Takaful Am, Mohamad Yunos Sood, Ketua Unit Syariah, Ustaz Ahmad Zaiem Ismail, Pengurus Cawangan Kuantan, Ahmad Jafri Din dan Pengurus Pembangunan Perniagaan, Baharudin Abdul Wahab dan Pengurusan Tertinggi UMP.

Profesor Dr. Badhrulhisham yang mewakili

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sumbangan yang diterima ini diharapkan dapat membantu meringankan beban kewangan lebih ramai pelajar seterusnya dapat membantu mengubah nasib mereka.

"Sumbangan ini akan diagihkan kepada pelajar yang terdiri daripada keluarga yang mempunyai latar belakang tidak mempunyai pendapatan tetap, anak yatim piatu, pelajar yang mempunyai ibu bapa yang kurang upaya dan mempunyai adik beradik yang ramai.

"UMP telah menubuhkan Tabung Zakat sejak tiga tahun lalu dengan dana permulaan sebanyak RM 30 ribu. Tabung ini berperanan dalam mengumpulkan dana untuk diagihkan kepada pelajar yang memerlukan.

"Sehingga kini, seramai 273 pelajar telah menerima wang bantuan daripada dana ini dengan nilai agihan di antara RM 200 hingga RM500 mengikut kriteria yang ditetapkan universiti," ujarnya.

Tambah beliau lagi, sumbangan daripada pihak Etiqa Takaful Berhad ini dijangka dapat membantu lebih ramai pelajar yang ditimpa kesusahan dan sumbangan ini merupakan jumlah terbesar yang diterima UMP setakat hari ini.

Sementara itu, Shahril Azuar berkata, Program Tanggungjawab Zakat Korporat (CZR) adalah program yang dilaksanakan bersama dengan penempatan anak-anak yatim, miskin serta institusi kebajikan di seluruh negara.

"Ianya merupakan cetusan aspirasi dan wawasan pihak pengurusan Etiqa Takaful untuk mewujudkan satu komuniti yang benar-benar bertanggungjawab dan berdedikasi terhadap masyarakat.

"Kami berharap dapat membantu golongan yang memerlukan bantuan dalam bentuk material, kewangan serta sokongan moral dalam menjalani kehidupan seharian bagi merapatkan hubungan sesama masyarakat setempat," katanya.

UMP lancar tabung kemanusiaan bencana alam Jepun

Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Tabung Kemanusiaan Bencana Alam di Jepun atas tanda prihatin dan simpati komuniti universiti ini terhadap penderitaan yang dialami akibat tragedi gempa bumi yang melanda negara Matahari Terbit itu pada 28 Mac 2011 yang lalu.

Pelancaran disempurnakan Dekan Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Profesor Dr. Abdul Jalil Borham yang mewakili Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim sempena merasmikan Kempen Sayangi Bumi anjuran Kelab Sains Kemanusiaan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, PBMSK dan sebuah organisasi bukan kerajaan, Soka Gakkai Malaysia cawangan (Pahang).

Kempen selama tiga hari bertempat di Auditorium Perpustakaan UMP Gambang itu memberi peluang kepada warga UMP menyaksikan pameran 'Benih-benih Harapan' bertemakan semangat kasih sayang dan keprihatinan terhadap isu alam sekitar.

Menurut Profesor Dr. Abdul Jalil, pembangunan lestari menjadi agenda komuniti global yang disepakati ketika Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai alam sekitar dan pembangunan semasa di Rio de Janeiro dahulu.

Katanya, kehilangan biodiversiti, kemerosotan sumber asli, pemanasan global, perubahan iklim dan bencana alam antara petanda kelestarian bumi semakin terjejas.

"Para pengkaji juga mengaitkan fenomena semula jadi seperti gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir besar dan ribut taufan ini berkaitan dengan kerakusan manusia melaksanakan aktiviti pembangunan yang membawa kepada perubahan drastik terhadap alam semula jadi.

"Kita tidak menafikan peranan sains dan teknologi meningkatkan kemajuan tamadun manusia. Namun, pengabaian terhadap aspek keselamatan dan kelestarian bumi memberi impak negatif terhadap keseimbangan biodiversiti bumi yang boleh mengancam nyawa manusia dan seluruh hidupan lain.

"UMP mengharapkan agar pelajarinya menjadi pendokong dan pengamal kejuruteraan yang penuh etika serta sedar bahawa aspek kelestarian bumi ini tidak boleh dikompromi dengan pembangunan fizikal yang bersifat sementara," katanya.

Sementara itu, menurut Pengerusi Soka Gakkai Malaysia (Pahang), Micheal Kok Fook On berkata, pihaknya juga mengadakan pameran di beberapa negara seperti Australia, Itali, Jordan, Taiwan dan United Kingdom.

Katanya, pameran ini diharapkan dapat menyampaikan mesej kepada pelajar dan staf UMP untuk berkongsi tanggungjawab terhadap bumi bagi kepentingan generasi akan datang.





UMP naik taraf sistem aplikasi tingkat keupayaan IT

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menaik taraf pangkalan data Oracle 11gR2 dan Oracle Real Application Cluster (RAC) bagi sistem aplikasi infrastruktur bermaklumat sejajar dengan keperluan dalam meningkatkan keupayaan prasarana IT yang lebih mantap dan berkesan universiti ini.

Kemudahan ini bukan sahaja dapat dimanfaatkan di kalangan 7,000 warganya, malah orang ramai termasuk bakal pelajar yang berkunjung ke laman web rasmi universiti akan dapat mencapai akses dengan lebih mudah dan pantas.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, projek ini melibatkan aktiviti menaik taraf perkakasan lama, pangkalan data dan meningkatkan taraf sistem aplikasi universiti.

UMP yang mengamalkan sistem pengurusan bersepadu (*Integrated Management System*) dalam sistem pentadbiran menggunakan aplikasi *E-Community*, IMS Kewangan, IMS Sumber Manusia, IMS dan Portal Akademik sejak 2003 lagi.

"Kelebihan pangkalan data ini dapat menjimatkan masa dan meningkatkan produktiviti warga kerja UMP dalam membangunkan sistem penyampaian dan perkhidmatan menggunakan teknologi

sepenuhnya.

"Kelebihan ini juga dapat memberi jaminan keselamatan kepada data dan maklumat penting universiti yang disimpan mengikut masa sebenar.

Kejayaan pelaksanaan projek ini juga dilihat sebagai satu respon positif terhadap usaha menjadikan universiti ini lebih berdaya saing dan meningkatkan kecekapan," katanya.

Pengurus Kanan Jualan, Bisnes Sektor Awam, Oracle Corporation Malaysia, Juharimi Hasan mengharapkan jalinan usaha sama ini dapat membantu negara dalam pembangunan modal insan dan melahirkan jurutera yang profesional.

Majlis yang diadakan di Dewan Bankuet Canseleri pada 15 April 2011 yang lalu itu menyaksikan Juharimi menyampaikan dokumen naik taraf kepada Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abd. Aziz dan Pemangku Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Roslan Awang Abdul Rahman masing-masing menerima dokumen bagi naik taraf sistem IMS Akademik dan Aplikasi *e-Community* daripada Dato' Dr. Daing Nasir.



Kemudahan ini bukan sahaja dapat dimanfaatkan di kalangan 7,000 warganya, malah orang ramai termasuk bakal pelajar yang berkunjung ke laman web rasmi universiti akan dapat mencapai akses dengan lebih mudah dan pantas.



Program KLIK ziarah pelajar luar kampus

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berpeluang bermesra bersama 80 pelajar yang tinggal di luar kampus dalam penganjuran pertama kali Program Komuniti Luar Kampus (KLIK) sekitar Kuala Pahang pada 20 Mac 2011 yang lalu.

Menurut Dato' Daing Nasir, penganjuran program ziarah yang julung kali diadakan ini bertujuan mendekati pelajar yang menginap di luar kampus dan yang tinggal bersama komuniti masyarakat sekitar kampung berhampiran kampus.

Program bermula dengan kunjungan ke rumah pelajar yang tinggal di Kampung Peramu diikuti Kampung Bentan, Kampung Tanjung Selangor, Kampung Kuala Pahang dan Kampung Beruas sebelum berakhir di

Taman Melor.

Katanya, program ini memberi peluang kepada beliau meninjau persekitaran kehidupan pelajar dan mengenal pasti keperluan mereka agar mereka dapat mengikuti pengajian dalam suasana yang menggalakkan pembelajaran.

Di samping itu, beliau turut menasihatkan pelajar agar dapat mendampingi masyarakat setempat dan menyumbang kepada pembangunan, khususnya dalam membantu meningkatkan pembelajaran anak-anak sekitar penempatan pelajar.

Dato' Dr. Daing juga berkata, pelajar merupakan duta kecil yang berperanan menghubungkan universiti dengan masyarakat dan mereka harus bertanggungjawab menjaga nama baik universiti.

"Pada masa ini, kampus UMP di Pekan hanya dapat menampung penginapan bagi 648 pelajar sahaja dan sebahagian pelajar tinggal dalam kampus di Gambang ataupun menyewa di persekitaran UMP Pekan.

"Pembangunan fasa kedua asrama dijangka siap sepenuhnya pada bulan Ogos nanti bagi penempatan 1,400 lagi pelajar," katanya.

Dato' Daing Nasir turut menyampaikan sumbangan hamper kepada pelajar yang

dikunjungi.

Manakala Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman, program yang dirancang secara berkala ini dijangka diteruskan bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelajar yang tinggal di luar kampus.

Pihaknya turut mengadakan pelbagai program bersama penduduk kampung dalam usaha memasyarakatkan kampus.

Menurut pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Muhammad Mazuan Mahmood, beliau dan rakan-rakan amat terharu dengan kunjungan dan kesudian Naib Canselor singgah ke rumah penginapan pelajar.

Hadir sama ke program berkenaan ialah Penghulu Mukim Kuala Pahang, Ismail Othman, Majlis Perwakilan Pelajar dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di kampung yang dilawati.

".....program yang dirancang secara berkala ini dijangka diteruskan bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelajar yang tinggal di luar kampus."

- Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman

1,000 warga UMP sambut Maulidur Rasul dan ulang tahun ke-9 penubuhan UMP

Lebih 1,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai perarakan dalam suasana yang cukup meriah sambil berselawat memuji kebesaran Maha Pencipta dan keagungan junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Perarakan yang melibatkan 27 kontingen yang antaranya Persatuan Sahabat Masjid (SAHAM), Pejabat Antarabangsa (IO), Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari dan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK) ini bergerak dari Kompleks Sukan menuju ke Masjid UMP.

Perarakan turut disertai Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus bersama pengurusan dan ketua jabatan yang lain.

Dalam pada itu, Dato' Dr. Daing Nasir berkata, Islam adalah mengenai keamanan, keharmonian kesederhanaan dan perpaduan.

"Unsur kecantikan inilah yang perlu ditonjolkan dan diterjemahkan dalam kehidupan seharian dan cara kita bekerja.

"Hanya dengan kebijaksanaan dan keterbukaan ini maka umat Islam akan dihormati dan disegani," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMP dan sambutan ulang tahun kesembilan penubuhan UMP di Kompleks Sukan UMP pada 16 Februari 2011 yang lalu.

Menurut beliau, dengan genapnya sembilan tahun usia UMP, adalah penting untuk warga UMP bermuhasabah tentang liku ranjau masa lalu dan memandang ke hadapan dengan cabaran yang bakal ditempuhi.

"Warga UMP perlu terus celik dan sedar akan kewajipan mereka dalam menyusun tindakan atas landasan keutamaan, berbudaya kerja cemerlang yang berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan berpandukan prestasi untuk menjayakan Pelan Strategik UMP 2011-2015 ke arah kecemerlangan.

Menurutnya, warga UMP perlu sentiasa mengutamakan pengisian berbanding bentuk dan formaliti bagi memastikan universiti ini terus relevan dan lestari.

Sementara itu, Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIPI), Dr. Hasan Ahmad berkata, penganjuran sambutan Maulidur Rasul ini bukan sekadar memperingati sambutan keputeraan Rasulullah SAW malah menonjolkan kebudayaan dan kesenian Islam kepada masyarakat terutamanya di kalangan warga kampus.

Katanya, pelbagai acara disusun sepanjang seminggu festival berlangsung melibatkan program khidmat masyarakat, ziarah, program motivasi, ceramah, bicara cinta dan penganjuran wacana kenegaraan.

Pada majlis yang sama, Dato' Dr. Daing Nasir turut menyampaikan hadiah dan cenderahati kepada pemenang acara perarakan yang dinilai daripada sudut keseragaman berpakaian, hiasan dan mesej yang disampaikan dalam setiap pasukan.

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) diumumkan pemenang tempat pertama diikuti Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) di tempat kedua dan Jabatan Canseleri memenangi tempat ketiga.

Selain itu, wacana bertajuk 'Institusi Kenegaraan Islam' yang diadakan pada 17 Februari 2011 yang lalu merupakan program penutup tirai Festival Maulidur Rasul 1432H tahun ini.





IBM, HeiTech Padu dan UMP tubuh Pusat Kecemerlangan Kampus yang pertama di Malaysia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkukuh jalinan kerjasama dengan HeiTech Padu Berhad dan IBM menerusi pelancaran Pusat Kecemerlangan Inisiatif Kampus Akademik yang pertamanya di Malaysia pada 9 Mac 2011 baru-baru ini di Dewan Astaka, UMP.

Pusat ini dijangka dapat membangunkan kemahiran khususnya memperkenalkan Sistem Z dan teknologi IBM di kalangan pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) yang berkemahiran dalam memenuhi keperluan pembangunan teknologi IT bagi sektor pekerjaan di Malaysia.

Ianya juga akan meningkatkan kemampuan pembelajaran IT di institusi pengajian tinggi seperti di UMP dalam menghasilkan graduan dan siswazah berkemahiran tinggi dan profesional yang diperakui IBM.

Penubuhan pusat ini merupakan lanjutan daripada majlis menandatangani memorandum persefahaman antara UMP, IBM dan HeiTech Padu pada 27 Mei tahun lalu dalam memperkenalkan pembelajaran Sistem Z di kalangan pelajar UMP yang terpilih.

Jalanan kerjasama ini menandakan komitmen UMP, HeiTech Padu dan IBM dalam menyokong aspirasi Kerajaan terhadap pembangunan modal insan, khususnya dalam menangani masalah kekurangan tenaga mahir dalam sistem mainframe z di Malaysia. Ianya juga berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hab kemahiran teknikal dan pakar IT.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, kerjasama ini menyaksikan UMP menyediakan kemudahan dan fasiliti pengajaran, sementara IBM akan menyediakan perisian, kursus, latihan dan ujian yang diperlukan untuk mengikut spesifikasi yang ditetapkan IBM.

Manakala, pihak HeiTech Padu bersedia menyediakan perkakasan infrastruktur,

penempatan latihan industri dan peluang pekerjaan selepas tamat pengajian.

Pelajar dilatih menggunakan perkakasan IBM dan teknologi perisian, khususnya sistem teknologi mainframe z serta DB2, WebSphere, dan keupayaan perisian Tivoli.

Katanya, pembukaan pusat kecemerlangan di kampus ini membawa UMP satu langkah maju ke hadapan dalam merealisasikan hasrat UMP menjadi universiti teknologi bertaraf dunia.

UMP bersedia meluaskan kerjasama dengan pihak IBM dan HeiTech Padu untuk menambah bilangan tenaga mahir tempatan dan meningkatkan graduan bidang kejuruteraan perisian bagi menyumbang tenaga di pasaran tempatan dan di peringkat global," tambah beliau.

Melihat kepada permintaan di pasaran, penyelidikan dan pembangunan, penubuhan pusat kecemerlangan ini akan melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan, kemampuan dan berkemahiran analitikal untuk merancang serta mengurus IT secara berkesan melalui proses pembelajaran yang inovatif.

Pengurus Besar, Sektor Kerajaan dan Kesihatan IBM Malaysia, Nazerollnizam Kasim, berkata, IBM berbangga dengan kerjasama jitu dengan institusi pengajian tinggi seperti UMP ini yang memberikan komitmen dalam pembangunan teknologi maklumat.

"Penubuhan pusat ini membolehkan UMP menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang IT bagi mencipta suatu kerja yang bernilai di dalam negara atau di peringkat global," katanya.

Tambahnya, IBM akan terus mencari peluang untuk bekerjasama dengan institusi pendidikan terkemuka untuk membangunkan kemahiran pelajar kita dalam meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam memenuhi

keperluan industri ICT.

Sementara itu, Presiden HeiTech Padu Berhad, Safiee Mohammad, berkata, kerjasama di antara HeiTech, IBM dan UMP ini membuka lembaran baharu dalam pembangunan IT di negara ini.

Pelancaran pusat ini merupakan bukti komitmen pihaknya dalam membantu kerajaan dalam pembangunan modal insan.

Katanya, beliau percaya gabungan kepakaran dan pengalaman dari semua pihak yang terlibat ini dapat menempatkan Malaysia sebagai hub pembangunan IT di rantau ini.

"Pelajar yang mengambil kursus Sistem Z ini diberi kesempatan untuk melawat Pusat Data HeiTec di Shah Alam dan mengikuti program pendidikan yang dapat memberi pendedahan bagaimana pusat data ini beroperasi menggunakan teknologi sistem mainframe z.

"Pada masa ini UMP merupakan institusi pertama dan satu-satunya di Malaysia yang mengajar pelajarannya dengan sistem mainframe z yang diperkenalkan IBM yang selari dengan visinya sebagai "Planet Pintar", kata Safiee.

Dalam majlis ini, seramai 27 pelajar yang berjaya mengikuti kursus tahap satu yang membolehkan mereka meneruskan program pendidikan IBM dan berpeluang menjalani latihan industri di HeiTech Padu.

Dengan kepakaran menggunakan sistem ini, universiti di Malaysia dapat memanfaatkan sumber daya inisiatif IBM ini dalam meningkatkan pengetahuan dan pembangunan kemahiran di bidang teknologi yang bakal memenuhi keperluan pasaran yang menghasilkan kualiti yang diperakui pakar IT seluruh dunia. Fleksibiliti sistem integrasi ini memberikan kelainan dalam kestabilan proses dan menyumbang kepada pengurangan kos serta lebih menjimatkan.



Perhatian..... YAB Perdana Menteri sedang mendengar taklimat yang diberikan oleh Naib Canselor di dalam bas ketika meninjau sekitar kampus dalam lawatan beliau ke UMP Pekan.



Cenderamata..... Naib Canselor menyampaikan cenderamata kepada Datin Paduka Seri Rosmah Mansur sempena Majlis Pelancaran Kempen 'KAMI PRIHATIN' Peringkat Institut Pengajian (IPT).



Anugerah..... Menteri Besar Pahang menyampaikan hadiah kepada antara penerima anugerah pada Majlis Anugerah Cendekia Bitara 2010.



Prihatin..... Naib Canselor melakukan kunjungan ke rumah pelajar yang tinggal di luar kampus sekitar Pekan.



Kecoh..... sebahagian pengamal media dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang menyertai pertandingan boling persahabatan dengan tema 'UMP 1Media 1Strike' di Premium Lane, Kuantan Plaza.



Sambut..... Naib Canselor menyambut ketibaan kumpulan perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat UMP.

OK..... Naib Canselor mencuba kenderaan yang dipamerkan sempena Karnival Pengajian Tinggi Negara, Jom Masuk U di Kuantan.



Bersemangat..... antara peserta terlibat dalam Program Kayak Pesisir Pantai 2011.

Hebat..... Ramli Sarip antara yang membuat persembahan pada Malam Puisi Riong di UMP.



Klik-Klik Lensa



UMP, MAI jalin kerjasama tingkat daya saing industri automotif tempatan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan Institut Automatif Malaysia (MAI) iaitu sebuah badan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi meningkatkan daya saing industri automotif tempatan.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu ditandatangani Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim manakala MAI diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohamad Madani Sahari.

Majlis bersejarah ini turut disaksikan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Jacob Dungau Sagan dalam majlis yang diadakan di Dewan Zamrud, MITI pada 15 Mac 2011 yang lalu.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, program kerjasama dalam pembangunan modal insan ini melibatkan pelajar tahun tiga daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi yang berpeluang mengikuti program apprentice dalam pengkhususan kejuruteraan acuan (industri plastik), kejuruteraan die (industri logam campuran) dan sistem pembuatan bersama pihak MAI.

Seramai 61 pelajar akan mengikuti tiga fasa latihan, iaitu bagi fasa pertama, pelajar akan mengikuti latihan kemahiran insaniah, kemahiran pengurusan, mesin dan penyediaan dalam industri.

Menurut Dato' Dr. Daing Nasir, bagi fasa kedua dan ketiga pula pelajar perlu mengikuti kursus latihan industri di syarikat yang dikenal pasti oleh MAI dan ditempatkan di syarikat berkenaan.

"Pendekatan melibatkan industri dan universiti ini dijangka dapat membantu mengenal pasti kekurangan tenaga pakar dalam menghasilkan graduan yang menepati kehendak industri," katanya.

Beliau mengharapkan agar kerjasama dengan MAI ini dapat membuka peluang dalam melibatkan usaha sama dalam bidang kejuruteraan mekanikal, elektronik dan lain-lainnya.

Sementara itu menurut Madani, kerjasama ini juga akan memfokuskan keseluruhan pembangunan teknologi dalam meningkatkan industri automotif tempatan termasuk penyelidikan gunaan.

"Kami menjangkakan usaha ini dapat menghasilkan lebih 5,000 jurutera yang berdaya saing menjelang tahun 2015.

"UMP merupakan universiti kedua selepas UiTM dalam melaksanakan program kerjasama dengan MAI ini," ujar beliau.

Hadir sama Setiausaha Kehormat MITI, Datuk Rebecca Fatima Sta Maria, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dan Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti), Profesor Dr. Shamsuddin Baharin.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG DAN TELEKOM MALAYSIA



UMP, TM meterai persefahaman laksana Metro-E hubung dua kampus



Dalam usaha membangunkan kemudahan akses internet jalur lebar Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah apabila memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Telekom Malaysia (TM) yang akan membekalkan perkhidmatan Metro-Ethernet (Metro-E) dan penyambungan tanpa wayar TM Wi-Fi untuk kedua-dua kampus di Gambang dan Pekan pada 11 Februari 2011 yang lalu di Dewan Bankuet, Canseleri UMP.

Dijangka lebih 6,000 pelajar akan menikmati kemudahan mengakses internet 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan menikmati pengalaman internet yang lebih laju semasa di kampus bagi meningkatkan persekitaran pembelajaran dan pengajaran untuk para pelajar serta staf akademik.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, kerjasama ini membolehkan pelajar dan penyelidik mendapatkan akses atas talian (*online*) bagi memperoleh artikel, buku elektronik, jurnal dan pangkalan data elektronik yang terdapat di alam siber.

"Walaupun jarak kampus Pekan berada 60

kilometer jauhnya dari Gambang, kemudahan perkhidmatan ini membolehkan warganya berhubung menggunakan satu talian dan seolah-olah berada di dalam satu kampus.

"Malahan, ianya juga dapat menjimatkan belanja kos logistik, masa dan meningkatkan kecekapan berkomunikasi.

"Kerjasama dengan pihak TM ini mampu menjayakan usaha kerajaan dalam memastikan penggunaan ICT ini dapat meningkatkan kecekapan dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan di Malaysia," katanya.

Majlis menandatangani perjanjian persefahaman ini menyaksikan UMP diwakili Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Manakala, pihak TM diwakili Naib Presiden Eksekutif (Sektor Kerajaan), Dato' Kairul Annuar Mohamed Zamzam dan Naib Presiden Jualan, Sektor Kerajaan, Hamdan Ismail.

Sementara itu, Dato' Kairul Annuar

dalam ucapannya berkata, di bawah projek Kampus Digital ini, TM akan menghubungkan kampus UMP di Gambang dengan kampus UMP di Pekan menerusi sebuah rangkaian perhubungan gentian berkelajuan tinggi.

"Dengan pembekalan TM Metro.e 40Mbps dan TM Wi-Fi ini, UMP telah menjadi universiti pertama di Pantai Timur Malaysia yang memegang status "Kampus Digital," katanya.

Pada majlis yang sama, beliau turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM10,000 untuk Tabung Kebajikan 1Malaysia UMP bagi membantu pelajar UMP yang kurang berkemampuan dari segi kewangan dalam meneruskan pengajian.

Hadir sama Pengurus Besar TM Negeri Pahang, Md. Rasidin Kadak, Penolong Naib Canselor (Hal Ehdwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserri Zainuddin, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Pemangku Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Roslan Awang Abdul Rahman dan Presiden Kelab 1Malaysia UMP, Abang Fairul Syarmil Abang Mohammad.



Aktiviti Kesukarelawanan agenda perdana MPP

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim mengajak mahasiswa memanfaatkan ruang dan peluang sedia ada bagi memastikan suara mereka didengari dan dirasai masyarakat sekitarnya.

Selain itu, beliau mengharapkan agenda kesukarelawanan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi lain ini juga dapat diteruskan dengan menyusun keutamaan dan gerak kerja dalam menyuburkan aktiviti ini sebagai agenda perdana untuk dijuarai.

"Saya bersyukur dengan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2011/2012 pada 22 Februari lalu yang dijalankan dengan suasana harmoni dan penuh kekeluargaan serta tanpa sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

"Ianya mencerminkan keserjanaan warganya yang matang, bijaksana dan berhemah dalam mengekalkan suasana harmoni di dalam kampus," katanya semasa berucap merasmikan Majlis Penyerahan Watak Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan MPP di Dewan Bankuet Canseleri pada 25 Februari 2011 yang lalu.

Katanya, pelaksanaan agenda kesukarelawanan juga harus dipuji apabila sekumpulan mahasiswa UMP merentas negeri-negeri di Semenanjung Malaysia untuk merakyatkan kempen Kami Prihatin baru-baru ini.

".....harapan agar MPP dapat menterjemah Pelan Strategik UMP 2011-2015 dengan mengemukakan inisiatif dan program yang memberi nilai tambah dalam konteks tertentu melibatkan kualiti akademik, kelestarian kewangan, pembangunan sosio-ekonomi atau penjenamaan."

- Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim

Beliau turut meletakkan harapan agar MPP dapat menterjemah Pelan Strategik UMP 2011-2015 dengan mengemukakan inisiatif dan program yang memberi nilai tambah dalam konteks tertentu melibatkan kualiti akademik, kelestarian kewangan, pembangunan sosio-ekonomi atau penjenamaan.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir juga merakamkan penghargaan kepada kepimpinan MPP sesi 2010/2011 diketuai Mohd. Aedlan Nur Ahmad atas sumbangan dan komitmen yang ditunjukkan sepanjang penggal perkhidmatan mereka

Sementara itu, Yang di-Pertua MPP yang baharu dilantik, Muhammad Fazli Abdul



Halim berazam sentiasa bersikap profesional dalam semua lapangan dan menggunakan pendekatan penuh hikmah untuk meneruskan legasi kepimpinan mahasiswa.

Dalam majlis ini seramai 24 ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMP Sesi 2011/2012 mengangkat sumpah menunaikan kewajipan dan taat setia di hadapan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Selain Muhammad Fazli, MPP kali ini menyaksikan Timbalan Yang di-Pertua disandang Sazwan Sahar dan Shahira Mohd Basir dilantik sebagai Setiausaha di samping 21 ahli lain menganggotai kerusi umum dan fakulti.

Pilihan Raya berjalan lancar dan serentak di 2 kampus

Pilihan raya kampus di Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjalan lancar apabila seramai 4,596 pelajar dengan peratusan sebanyak 75 peratus keluar menunaikan tanggungjawab mengundi memilih perwakilan dalam suasana tenang yang berlangsung di Kompleks Sukan UMP di Gambang dan buat pertama kalinya di dewan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik di Pekan pada 23 Februari 2011 yang lalu.

Pilihan raya kali ini mencatat sejarah apabila ianya menyaksikan pengundian dijalankan serentak di kedua-dua kampus, iaitu di Gambang dan di Pekan menggunakan 'e-Undi' bagi memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMP sesi 2011/2012.

Kemeriahan pelajar berkempen dan memperjuangkan manifesto merencanakan suasana pilihan raya di kampus pada kali ini.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang juga merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Pemilihan MPP UMP 2011/2012 berkata, pemilihan perwakilan dibahagikan kepada dua iaitu bagi kerusi umum dan fakulti.

"Sebanyak 24 kerusi diperuntukkan bagi mengisi lapan kerusi umum dan 16 kerusi fakulti pada tahun ini berbanding 21 kerusi tahun lalu.

"Tahun ini juga menyaksikan pertambahan calon sebanyak 74 peratus iaitu 53 calon termasuk 23 calon wanita berbanding seramai 39 calon sebelum ini.

"Ini membuktikan mahasiswa UMP telah mempunyai kesedaran untuk menjadi pemimpin dan mewakili suara mahasiswa universiti," katanya.

Menurut beliau, keputusan undi pada kali ini menyaksikan 63 peratus calon yang menang iaitu 15 calon terdiri di kalangan

pelajar perempuan membarisi kepimpinan MPP," katanya.

Sementara itu, calon dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT), Mathan Raj a/l Suparmaniam dan Norazlin Sarju @ Hj Mohd. Nor diumumkan menang tanpa bertanding.

Keputusan calon yang menang diumumkan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz pada pukul 6 petang di Kompleks Sukan UMP.

Dalam pada itu, seorang pemenang kerusi umum yang mendapat undian tertinggi, Shahira Mohd Basir, 21 dari

Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) berkata, beliau akan merealisasikan manifestonya bagi meningkatkan isu kebajikan dan keselamatan mahasiswa di kampus.

Selain itu, beliau berhasrat mewujudkan suatu tempat bagi mengumpulkan bahan projek penyelidikan pelajar dalam meningkatkan kreativiti dan inovasi di kalangan pelajar UMP.

Turut sama memenangi kerusi umum, Mohd. Zulwafi Baharudin, 21 dari fakulti yang sama yang berhasrat untuk terus memperjuangkan isu kebajikan dan keselamatan mahasiswa di dalam kampus.





Pertandingan lagu puisi IPTA lahirkan mahasiswa prihatin



Menyedari keprihatinan mahasiswa dalam menangani isu gejala sosial di kalangan generasi muda, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjadikan puisi sebagai pemangkin mendekati masyarakat dalam memberi pendidikan dan mesej kesedaran menangani masalah sosial dan pembuangan bayi yang menular di kalangan masyarakat dewasa ini.

Justeru, UMP dengan kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi, Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM) menganjurkan Pertandingan Lagu Puisi IPTA bersempena Kempen Kami Prihatin- "Apakah Dosaku" baru-baru ini di Dewan Astaka, UMP di Gambang.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, puisi yang mengandungi bait-bait berunsur nasihat ini merupakan salah satu medium dalam menyampaikan mesej berguna untuk membentuk masyarakat prihatin dan penyayang.

"Persembahan lagu puisi ini sesuai untuk dijadikan wardah dalam menyampaikan mesej kesedaran dengan cara yang tersendiri, kreatif dan mudah diterima generasi muda hari ini.

Sekaligus, penganjurannya merupakan usaha masyarakat kampus dalam menyokong

usaha kerajaan menangani masalah sosial dengan mengadakan program kesedaran dan pendidikan semua golongan masyarakat," katanya.

Menurutnya, pertandingan lagu puisi ini amat menarik dan berbeza dengan sebelum ini memandangkan peserta perlu menyampaikan puisi dan lagu dengan tema yang terlalu dekat dengan jiwa masyarakat.

Beliau berkata, pertandingan sebegini secara tidak langsung menarik minat generasi muda untuk menghayati sastera.

Inisiatif ini pada awalnya merupakan cetusan idea daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Persatuan Wanita UMP (Matahari) yang melihat warga kampus juga berperanan dalam membangunkan masyarakat.

Beliau berbangga dengan usaha ini dan mengharap banyak lagi program kesukarelawanan akan dianjurkan sempena menjayakan kempen itu nanti.

Sementara itu, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, pertandingan ini mengumpulkan 80 peserta dari seluruh IPTA yang menyampaikan kesepaduan suara dan keprihatinan mahasiswa terhadap masalah gejala sosial dan penderaan kanak-kanak di

Malaysia.

Penganjuran pertandingan yang julung kali diadakan ini menyaksikan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang terdiri daripada Nazurul Mu'iz Azmi, Muhammad Hafeez Zakaria, Mohd. Shairi Baharuddin dan Meor Muhammad Afif Aiman Abu Bakar menjuarai pertandingan dengan membawa pulang wang tunai RM3,000, trofi dan sijil penghargaan.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang diwakili Mohd. Juhairee Mohd. Junaidee, Muhammad Shukri Sahari, Mohd. Nur Hakimi Yaman dan Alauddin Yahya menang di tempat kedua dengan membawa pulang RM 2000, trofi dan sijil penghargaan.

Manakala di tempat ketiga dimenangi Mohd. Hijasri Hassim, Ahmad Nazif Che Abdul Rahman, Mohd. Khairi Azuandi Azahari dan Azinatunnisa Jamaludin dari Universiti Malaya (UM) dengan membawa pulang RM 1,000, trofi dan sijil penghargaan.

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) berada di tempat keempat dan kelima.

Hadiah disampaikan YABhg. Datin Paduka Sri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia yang hadir melancarkan Kempen Kami Prihatin Peringkat IPT di UMP.



Jawatankuasa penaja alumni FKASA dilancar

Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) menganjurkan Majlis Minum Petang & Pelancaran Jawatankuasa Penaja Alumni Bahagian Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) pada 2 April 2011 yang lalu.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz di The Legend Hotel, Kuala Lumpur.

Menurut Profesor Dr. Badhrulhisham, penubuhan jawatankuasa penaja ini harus dipuji sebagai usaha dalam memperkukuhkan keahlian Persatuan Alumni UMP.

Selain itu, penubuhan alumni bahagian ini dapat memberi manfaat secara berfokus khususnya kepada fakulti dan universiti.

Ianya juga membantu dalam melengkapkan maklumat alumni dan diurus dengan lebih sistematik serta dapat mengeratkan hubungan antara alumni dan warga universiti.

Beliau mengharapkan barisan alumni ini dapat bekerjasama dengan universiti dan mempunyai hubungan baik dengan industri seperti yang diamalkan di universiti luar negara, seperti di Jepun.

Katanya, konsep ini lebih mudah dicapai dan dilestari memandangkan golongan alumni yang bekerja di industri bertindak sebagai pemangkin dalam menjalinkan hubungan universiti dan industri.

Selain itu, beliau turut berbangga dengan kejayaan UMP yang dapat menghasilkan graduan yang berkualiti dan sebaris dengan IPTA lain.

Ianya termasuklah kejayaan dalam pencapaian kualiti akademik dan penyelidikan warga universiti.

Katanya, alumni ini dianggap sebagai duta kecil dan penyampai kepada masyarakat terutamanya dalam usaha menjadikan universiti ini sebagai universiti teknikal pilihan utama.

Turut hadir Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin, Pengarah Pusat Pengajian Siswazah, Datin Profesor Dr. Nasly Mohamed Ali, Timbalan Dekan FKASA, Noram Irwan Ramli dan Timbalan Pendaftar Saffad, Abdul Shukur Ishak.

Jawatankuasa Penaja Alumni Bahagian FKASA ini merupakan yang kedua ditubuhkan di peringkat bahagian setelah penubuhan Jawatankuasa Penaja Alumni Bahagian Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli pada tahun lalu.



Karnival Ponggal 1 Malaysia

semarakkan semangat perpaduan

Lebih 500 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) berbagai bangsa menyertai pertandingan memasak Ponggal sempena penganjuran Karnival Ponggal 1 Malaysia anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian, Kelab 1 Malaysia dan Majlis Perwakilan Mahasiswa dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) pada 26 Mac 2011 yang lalu.

Karnival bertemakan 'Satu Ponggal satu Integrasi' diadakan bagi mempamerkan keunikan perayaan masyarakat India di Malaysia dan menyemarakkan semangat perpaduan di kalangan warga universiti.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin yang mewakili Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, karnival ini adakan untuk mewujudkan kesedaran tentang keunikan budaya India serta menyemai perpaduan dan nilai pengetahuan budaya warga kampus UMP.

"Pelajar UMP berpeluang untuk mengetahui cara memasak ponggal mengikut adat resam masyarakat India, melukis kolam, menganyam thoranam dan memecahkan belanga ponggal serta menyaksikan pelbagai persembahan menarik sepanjang karnival berlangsung.

"Di samping itu, karnival ini diharapkan akan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan pelajar UMP dan menanamkan sikap positif untuk menjalankan aktiviti kebudayaan secara bersama tanpa sebarang prasangka," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, kita patut merasa bangga kerana telah memainkan peranan dalam merealisasikan konsep 1 Malaysia yang disulami rasa hormat dan percaya

terhadap satu sama lain selain dapat mengeratkan lagi hubungan kekitaan di kalangan masyarakat kampus.

Beliau turut berpeluang menyertai acara memasak Ponggal beramai-ramai disertai 400 pelajar di Dataran Mekanikal UMP Gambang.

Sementara itu, Pengarah Program Yohenthiran Selvarajah berkata, perayaan Ponggal disambut dengan memasak ponggal yang hingga melimpah yang dikenali sebagai ponggal dalam bahasa Tamil.

Beliau berkata, mengikut tradisi masyarakat India, Ponggal perlu dimasak sehingga melimpah yang menggambarkan maksud limpahan kehidupan yang lebih baik, kemakmuran, kesejahteraan dan keamanan.

Seorang peserta jurusan Mekatronik dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan Teknologi (FKPPT), Muhammad Noor Khairullah Anuar Sardy, 20, berkata beliau buat pertama kalinya mencuba memasak Ponggal yang mengandungi susu, beras dan kismis.

Rakannya, Wong Kok Keen, 20, berasa seronok dengan pengalamannya memasak bersama ahli kumpulan bagi memastikan susu yang dimasak cepat mendidih dan melimpah.

Sebanyak 100 pot disediakan setiap kumpulan yang terdiri daripada empat peserta dalam pertandingan bertemakan 1 Malaysia yang julung kali diadakan ini.

Pengunjung yang hadir turut berpeluang menyaksikan persembahan kebudayaan India seperti Urumi Melam, Seni Klasik Bharatha-natyam dan tarian 1 Malaysia melibatkan kebudayaan Melayu, India dan Cina.





Minggu Kebudayaan Tahun Baharu Cina dapat sambutan

Lebih 500 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) berbilang bangsa hadir bagi meraikan Sambutan Tahun Baharu Cina bertemakan '1UMP' anjuran Sekretariat Tahun Baharu Cina, Unit Kesenian dan Kebudayaan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (Saffad) di perkarangan parkir Kolej Kediaman (KK) 1 dan 3 UMP Gambang pada 12 Februari 2011 yang lalu.

Suasana meriah dapat dirasakan dengan kepelbagaian budaya menyambut kunjungan tetamu ditambah dengan dekorasi yang menggambarkan kemeriahan festival Tahun Baharu Cina (TBC) dengan mengekalkan warisan dan tradisi masyarakat Cina.

"Mahasiswa digalakkan untuk menyuburkan perpaduan menerusi penganjuran program dan gerak kerja yang dijalankan.

Selain itu, generasi muda perlu mempertahankan keharmonian hubungan antara kaum untuk kestabilan ekonomi, sosial dan politik di Malaysia.

"Gagasan 1Malaysia yang mendasari pentadbiran Malaysia adalah landasan yang boleh dipelajari dalam memperkasakan bangsa Malaysia," kata Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz yang membacakan teks ucapan Naib Canselor UMP dalam Majlis Perasmian Sambutan TBC peringkat UMP.

Menurut pengerusi program, Tan Jun Liang, pelajar berpeluang berkongsi kebudayaan

dengan penganjuran aktiviti, pameran dan jualan yang berlangsung di dalam kampus.

"Konsep 1UMP menerapkan pelajar dengan sifat kemesraan serta perpaduan yang dipupuk di kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang yang berbeza.

"Perayaan TBC bukan sahaja dirai dengan keluarga terdekat, malah di samping suasana gembira ini harus dikongsi bersama-sama dengan rakan dan masyarakat sekeliling," katanya.

Majlis malam itu turut diserikan dengan persembahan orkestra UMP, persembahan kebudayaan daripada pelajar yang terdiri daripada tarian singa, pementasan 24 Festive Drums, Diabolo, nyanyian dan tarian 1 Malaysia.

Selain itu, pihak persatuan turut mengadakan gerai jualan di dalam kampus bagi memeriahkan sambutan sepanjang bulan perayaan Tahun Baharu Cina ini.

Beliau berkata, penganjuran program ini juga dapat memperkenalkan universiti kepada masyarakat setempat, menonjolkan kreativiti pelajar dan memasyarakatkan pelajar dengan pihak luar.

Hadir sama Pengerusi Persatuan Logam dan Keluli Pahang, Dato' Kent Lew, Presiden Persatuan Kebudayaan Cina Pahang, Dato' Lee Jin Xian dan Presiden Persatuan Bola Keranjang Kuantan, Rendy Yup dan Penasihat Persatuan Bahasa Mandarin UMP, Chong Ah Kow.





Kor Suksis UMP curah bakti di Johor

Oleh: C/INSP. ISMAIL ABDULLAH



Pasukan Sukarelawan Kor Suksis Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencurah bakti dengan melaksanakan tanggungjawab sosial kepada mangsa-mangsa banjir di daerah Ledang dan Muar, Johor pada 11 Februari 2011 yang lalu.

Pasukan yang diketuai C/Inspektor Ismail Abdullah dan dibantu 39 anggota Kor Suksis dan selebihnya jurulatih serta staf pusat Kokurikulum Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) mula melaksanakan aktiviti gotong-royong dan pembersihan di Sekolah Kebangsaan Kundang Hulu dan Sekolah Agama Kundang Hulu.

Hadir sama membantu adalah pasukan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Syarikat Air Johor (SAJ), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Majlis Daerah Ledang, Jabatan Kerja Raya (JKR) Ledang, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Daerah Ledang yang bertungkus-lumus membersihkan kedua-dua sekolah tersebut.

Menurut Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustapa Ibrahim yang juga merangkap Timbalan Komandan Kor Suksis, tinjauan awal dibuat mendapati kelengkapan sekolah mengalami kerosakan yang teruk termasuklah bantuan

mengajar, peralatan komputer dan ICT yang dianggar melebihi RM100,000.00.

“Tawaran bantuan ini juga diberikan kepada Sekolah Agama Kundang Hulu yang berada bersebelahan Sekolah Kebangsaan Kundang Hulu yang akan memulakan sesi persekolahan pada 16 Februari 2011 nanti,”katanya.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Haji Omar Abd. Rahman, Pegawai Pendidikan Daerah Ledang, Pegawai Daerah Ledang dan juga bersama-sama turut turun padang ketika aktiviti pembersihan dijalankan.



MATRES'11 tingkat pemahaman pelajar minat Kejuruteraan Kimia



Lebih 100 pelajar Matrikulasi dan pelajar sekolah sekitar Kuantan berkampung di Universiti Malaysia Pahang (UMP) bagi mengikuti Seminar Kejuruteraan Kimia (MATRES '11) yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dalam bidang bioteknologi dan kejuruteraan kimia pada 31 Januari 2011 yang lalu.

Program selama tiga hari ini merupakan program anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA).

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor. Dr. Badhrulhisyam Abdul Aziz berkata, program yang bertemakan "Kejuruteraan Kimia untuk Pengalaman di Dunia" bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta memilih bidang kejuruteraan kimia sebagai pilihan untuk menyambung pengajian nanti.

"Ianya juga sebagai usaha mencambahkan minat pelajar mendalami cabang kejuruteraan kimia dengan memberi gambaran dan sumber

rujukan yang jelas agar mereka lebih mudah faham dalam bidang ini," katanya.

Menurut Timbalan Pengarah Bahagian Matrikulasi, Haji Awang Hambali Awang Hamdan berkata, program sebegini sememangnya amat digalakkan untuk memupuk minat pelajar terhadap jurusan kejuruteraan kimia.

"Terdapat segelintir pelajar yang kecundang menyambung pengajian ke menara gading adalah berpunca daripada ketidaksesuaian kursus yang dipilih berbanding kelayakan mereka," katanya semasa merasmikan program Matres '11' di Dewan Astaka.

"Peserta dapat dibantu dalam menyelesaikan kekeliruan dengan memilih jurusan yang bersesuaian untuk menyambung pengajian," katanya.

Peserta juga turut berpeluang mendengar taklimat mengenai bidang kejuruteraan yang ditawarkan di universiti ini oleh Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Dr. Che Ku

Mohammad Faizal Che Ku Yahya, Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple dan Ketua Program Pengajian Diploma FKKSA, Dr. Syed Mohd. Saufi Tuan Chik.

Menurut seorang peserta, Nurul Hafizah Sarimon, 18, yang merupakan pelajar Kolej Matrikulasi Melaka, beliau amat gembira kerana berpeluang mengikuti seminar ini.

Selain itu, katanya, beliau dapat menambah ilmu pengetahuan dan tidak menyangka dapat melihat sendiri kemudahan makmal yang terbesar di Pantai Timur yang terdapat di UMP ini.

Manakala, Ahmat Aizat Ahmad Zaki, 16, yang merupakan pelajar tingkatan empat di MRSM Kuantan berkata, seminar ini memberi peluang kepadanya merasai pengalaman pertama sebagai mahasiswa kampus.

"Saya berhasrat menjadi jurutera seperti ayah saya apabila tamat pengajian nanti," katanya.



150 pemimpin pelajar berkampung tingkat jati diri



Seramai 150 pemimpin pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Majlis Tertinggi Kelab dan Persatuan yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) berkampung di Teratak Malaya Resort di Janda Baik Pahang dalam menjayakan program Student Society Management & Team Building 2011 (SMTB'11) pada 2 April 2010 yang lalu.

Program itu memberi pendedahan mengenai teknik pengurusan kelab dan persatuan, pengurusan kewangan, perancangan penyediaan takwim program serta melibatkan aktiviti lasak seperti berjalan merentas hutan sejauh dua kilometer dan acara explorace yang bertujuan untuk menguji ketahanan mental dan fizikal peserta.

Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserri Zainudin berkata, program ini memberi banyak ruang kepada pemimpin pelajar memupuk hubungan yang baik antara pelajar dan pentadbir universiti, terutamanya staf di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAFFAD).

"Selain itu, program ini dapat memupuk nilai murni, disiplin diri seterusnya melahirkan pelajar yang bijak memimpin dan profesional dalam membuat keputusan serta mengambil tindakan pada masa hadapan.

"Peserta juga dipupuk dengan sikap tanggungjawab dan menjalankan

kerja secara berpasukan dalam menyelesaikan tugas yang melibatkan pengurusan kelab dan persatuan.

"Ianya dapat membentuk keperibadian pelajar sebagai pemimpin masa depan dan persediaan berdepan dengan alam pekerjaan nanti," katanya.

Salah seorang peserta yang juga Yang di-Pertua MPP UMP, Mohamad Fazli Abd Halim, berkata, program ini dapat memberi input kepada peserta dan berhasrat mengaplikasikan pengetahuan ini di universiti.

Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan silaturrahim seterusnya dapat berhubung terus dengan staf universiti dalam menjalankan aktiviti melibatkan pelajar.

Raihana Baharom yang merupakan pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian pula berkata, program ini menguji ketahanan mental dan fizikal peserta yang merupakan ciri menjadi pemimpin yang bijaksana.

Program turut dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim apabila beliau turut meluang masa bersama-sama dengan peserta dan menyampaikan hadiah kepada kumpulan yang menang di dalam pertandingan yang dijalankan.

Beliau mengharapkan semua peserta dapat memahami fungsi masing-masing serta berperanan dalam merealisasikan visi dan misi universiti.

FORUM JATI DIRI

Anjuran bersama



BERITA HARIAN



PERSKOM

Dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP)
23 Mac 2011 (Rabu)



800

pelajar pupuk semangat jati diri

Lebih 800 terdiri mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kolej Komuniti Paya Besar dan Kolej Matrikulasi Pahang hadir memeriahkan Program Merentas Kampus dalam membentuk jati diri sebagai ketahanan diri dan ketrampilan mahasiswa universiti pada 23 Mac 2011 yang lalu.

Program anjuran Jabatan Penerangan Malaysia dengan kerjasama Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Berita Harian dan Persatuan Sarjana Komunikasi (PERSKOM) ini menyaksikan UMP sebagai tuan rumah bagi Program Siswa Gemilang/Rentas Kampus yang berlangsung di Dewan Astaka UMP.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, program ini bertujuan memberi pemahaman di kalangan generasi baharu hari ini mengenai peranan jati diri dan memigrasikan minda ke arah yang lebih kreatif serta inovatif.

"Ianya juga dilihat sebagai satu langkah untuk membina budaya pemikiran kreatif di kalangan pelajar. Pembentukan minda pelajar pada masa ini akan membentuk generasi masa hadapan," katanya semasa merasmikan majlis tersebut.

Forum Jati Diri 1Malaysia dengan tajuk Mahasiswa Kreatif menampilkan ahli panel



yang terdiri dari Datuk Dr. Mansor Abdullah dari Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) dan Dr. Bazrul Bahaman yang merupakan pensyarah Universiti Perguruan Sultan Idris (UPS).

Dalam forum ini, Dr. Bazrul mengupas maksud jati diri yang membawa maksud suatu identiti yang ada pada diri sendiri yang akan membentuk ketahanan diri bagi membolehkan seseorang berhadapan dengan kehidupan yang semakin mencabar.

Beliau yang membawakan contoh bahasa Melayu iaitu datangnya dari zaman sejarah yang berabad tahun dahulu sebagai satu bahasa yang tidak boleh ditukar ganti.

Malah, ianya dijadikan sebagai sifat jati diri yang perlu dipertahankan agar terus hidup.

Justeru, kefahaman mengenai maksud jati diri perlu difahami pelajar seterusnya dapat diterjemah dalam setiap aspek kehidupan

dalam membina bangsa 1 Malaysia.

Seorang peserta yang merupakan pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Siti Norlis Zulkifli, 22 berkata forum hari ini banyak memberi pengetahuan tentang jati diri dan Konsep 1 Malaysia.

Beliau mengingatkan kata-kata Datuk Dr. Mansor yang memberikan contoh makanan roti canai yang dikaitkan dengan masyarakat India kini turut diminati kaum lain dan ini menunjukkan masyarakat Malaysia boleh menerima cita rasa makanan dan budaya kaum lain.

Malah menurutnya, pelajar juga perlu menguatkan jati diri dengan mengamalkan cara hidup bangsa Malaysia seperti bertutur secara halus dan bersopan terutama ketika berinteraksi dengan pensyarah atau bersama rakan di universiti.

Hadir sama Pengarah Penerangan Pahang, Datuk Hasnah Hassan.

8 IPT sertai Ekspedisi Kayak Amal Pesisir Pantai UMP 2011



Bagi memupuk semangat berpasukan dan memberi pendedahan serta pengalaman kepada semua peserta terhadap aktiviti berkayak di pesisir pantai, Pusat Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan aktiviti Ekspedisi Kayak Amal Pesisir Pantai UMP 2011 pada 25 hingga 27 Mac 2011 yang lalu.

Ekspedisi ini yang disertai seramai 40 orang pelajar UMP dan gabungan pelajar yang terdiri daripada Politeknik Sultan Ahmad Syah, Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Syah, Kolej Matrikulasi Pahang, Politeknik Muadzam Shah, Universiti Tenaga Nasional Muadzam Shah, Universiti Teknologi MARA Pahang dan Kolej Universiti Shahputra ini bermula di Pantai Balok, menyusuri Pantai Sepat dan berakhir di Tanjung Gosong, Kuala Pahang, Pekan.

Program Ekspedisi Kayak Amal Pesisir Pantai ini juga turut diserikan dengan kehadiran YB. Dato' Haji Syafik Fauzan Sharif, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Pembangunan Keluarga & Hal Ehwal Wanita merangkap Adun Kawasan Inderapura.

Jelas beliau, para pelajar seharusnya memanfaatkan peluang ini sebaik mungkin bagi menimba ilmu di luar skop pengajian mereka supaya mereka menjadi para pelajar yang mampu berdikari dan bersemangat tinggi apabila tamat pengajian kelak. Beliau berkata demikian sewaktu menyertai program Santai bersama penduduk Kampung Sepat yang dijadikan sebagai aktiviti sampingan ekspedisi ini.

Selain motif utama aktiviti ini memberi pendedahan mengenai ilmu berkayak, ia juga turut diselitkan unsur ilmu yang mana para peserta meluangkan masa mereka untuk memberi motivasi kepada anak-anak penduduk Kampung Sepat supaya mereka lebih bermotivasi dan semangat dalam persekolahan dan berjaya menjejakan kaki ke menara gading kelak.

Ekspedisi ini juga turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) UMP, Bahagian Keselamatan, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH), Pusat Kesihatan, Pejabat Naib Canselor, Pusat Kokurikulum Kolej Matrikulasi Pahang, Pasukan Gerakan Marin Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Pasukan Bomba dan Penyelamat Pahang.

Selain itu, Palapes Laut UMP dan Pejabat Adun Inderapura yang sama bertungkus-lumus menjayakan program ini sehingga tamat.





Kunjungan Muhibah BKSS ke UMK



Oleh: TUAN ZAIRANI TUAN AB. RAHMAN

Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS) berpeluang berkunjung ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi mengadakan perbincangan dan pertemuan melibatkan kepimpinan BKSS dan Kelab Kebajikan & Rekreasi Staf (KERIS), UMK pada 16 Mac 2011 yang lalu.

Ketibaan delegasi BKSS disambut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UMK, Profesor Dato' Mortaza Mohamad, Pendaftar UMK, Abdul Halim Abdul Rahman dan Pengerusi KERIS, Ngadiso Darus.

Menurut Pengerusi BKSS yang juga Pendaftar UMP, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, pertemuan ini dapat berkongsi idea dan bertukar pandangan mengenai aktiviti kebajikan serta rekreasi yang dijalankan kedua-dua pihak ini.

Kunjungan ini juga dapat membincangkan hala tuju bagi pemantapan kelab kebajikan dan rekreasi yang dianggotai di kalangan staf di kedua-dua universiti yang terletak di Pantai Timur ini.

Sementara itu, delegasi BKSS juga berpeluang mendekati masyarakat kurang upaya dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga Norma Mahmood yang menderita penyakit kanser akibat penyakit keturunan. Dua daripada tiga anaknya turut mengalami nasib yang sama mengidap kanser otak dan kanser tulang yang serius.

Menurut Norma, lebih menyedihkan lagi apabila anak bongsunya Hakimi Hakim Mohd Shukri, 16 tahun menderita hilang sebelah

matanya yang rosak dan terpaksa dibuang untuk menyelamatkan nyawanya akibat penyakit kanser berkenaan.

Beliau ketika ditemui melahirkan rasa terharu dengan keperihatin masyarakat kampus dalam berkongsi kesusahan keluarganya sejak 20 tahun lalu.

"Semoga sedikit sumbangan kita ini dapat meringankan beban insan yang kurang bernasib baik dan memberikan sinar kepada insan yang amat memerlukan dalam menempuh kehidupan yang penuh kedaifan ini," kata Mustafa.

Hadir sama berkunjung Timbalan Pengerusi BKSS, Ir. Zulkefli Khalidin, Ahli Jawatankuasa BKSS dan staf UMK.

1UMP 1Media 1Strike erat hubungan dengan media

Seramai 80 peserta di kalangan pengamal media, wakil pengurusan dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai pertandingan boling persahabatan dengan tema '1UMP 1Media 1Strike' di Premium Lane, Kuantan Plaza, Kuantan pada 29 April 2011 yang lalu.

Penganjuran kali keempat ini menyaksikan 20 kumpulan media dan UMP bertanding menunjukkan bakat masing-masing bagi merebut kategori jatuhan pin terbanyak bagi individu lelaki dan wanita, kategori kumpulan terbaik, kumpulan paling ceria dan juara jatuhan pin terendah bagi individu lelaki dan wanita.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang hadir menyertai pertandingan ini mengharapkan agar hubungan baik antara kedua-dua belah pihak dapat dikekalkan serta dipertingkatkan pada masa depan.

Sementara itu, Pengerusi Kelab Media Pahang, Nik Naizi Hussin berkata, pihaknya sentiasa menyokong usaha murni UMP dalam mengadakan aktiviti bersama yang dapat membawa manfaat

kepada kedua-dua pihak.

Dalam majlis ini, juara individu lelaki dimenangi wakil Utusan, Hanapi yang mendapat jatuhan pin tertinggi dengan 491 mata. Pemenang bagi individu wanita pula dimenangi wakil RTM, Norrijhan dengan mata 449. Kedua-duanya membawa pulang trofi dan hadiah iringan.

Menjuarai kumpulan terbaik dimenangi Kumpulan 9 yang terdiri daripada Haji Mustafa Kamal (RTM), Fauzi Hamid (NSTP), Nik Naizi Hussin (Star) dan Iskandar (Utusan). Kumpulan ini juga membawa pulang piala pusingan yang baharu diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun ini.

Manakala, kumpulan yang dianggotai Haji Rosdi Mohamed (UMP), Au Yong (China Press), Hamzah (NSTP) dan Nasrun (UMP) menang kategori kumpulan paling ceria.

Kemeriahan turut dirasakan apabila semua peserta yang hadir berjaya membawa pulang cenderahati dan hadiah cabutan bertuah di samping dapat merapatkan silaturahim yang sedia terbina sebelum ini.





Ahmad Saifuddin, Ayesha dinobatkan olahragawan, olahragawati terbaik 2010

Buat julung kalinya, Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraikan dan memberi pengiktirafan atlit yang memberi sumbangan dalam menaikkan nama universiti sepanjang tahun 2010 dalam Majlis Anugerah Sukan UMP anjuran Pusat Sukan UMP.

Dalam majlis ini, pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Ahmad Saifuddin Jamaluddin dinobatkan penerima Anugerah Olahragawan 2010 manakala Anugerah Olahragawati UMP 2010 disandang oleh pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Ayesha Darawin dengan masing-masing membawa pulang wang tunai RM 200 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Anugerah disampaikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus dalam Majlis Penyampaian Anugerah Sukan UMP 2010 di Hotel Vistana Kuantan pada 30 Mac 2011 yang lalu.

Dato' Dr. Rosli berkata, program ini diharapkan dapat menyuntik semangat dan motivasi kepada pelajar untuk terus mengharumkan nama UMP pada masa hadapan.

"UMP berbangga dengan pencapaian pelajar yang menerima dua pingat iaitu emas dan perak dalam Kejohanan Kenu Kebangsaan Kali Ke-10 yang lalu dan kemenangan membawa pulang pingat emas dalam Kejohanan sukan MTUN bagi pasukan sukan bola tampar dan futsal.

"Ianya akan membantu dalam mencapai matlamat Kementerian Pengajian Tinggi untuk melahirkan atlit yang mempunyai nilai profesional yang tinggi dan berdaya saing.

"Dengan terbinanya Kompleks Sukan dan beberapa gelanggang sukan di UMP, diharapkan pelajar dapat mengambil peluang ini dengan sebaik mungkin untuk meningkatkan lagi mutu permainan masing-masing," ujar beliau.

Menurut beliau, sudah tiba masanya

Pusat Sukan memikirkan satu strategi dalam membina kecemerlangan ini dengan memfokuskan hanya beberapa jenis sukan dan dalam masa yang sama tidak meminggirkan sukan-sukan yang lain.

Manakala menurut Ketua Pusat Sukan, Jasni Ladin, Pusat Sukan telah mengadakan sukan antara fakulti yang berjaya menarik minat hampir 1,000 pelajar menyertai pertandingan dalam 16 acara sukan yang dipertandingkan.

Menurut Ayesha, 22, beliau sungguh tidak menyangka akan dianugerahkan sebagai Olahragawati UMP 2010.

Ternyata sukan pencak silat yang diminatinya sejak mula masuk ke universiti dahulu membawa kejayaan kepadanya apabila diumumkan sebagai olahragawati UMP.

Beliau berjaya merangkul satu pingat emas, tiga pingat perak dan satu pingat gangsa dalam Kejohanan Pencak Silat Gayung Malaysia, Pencak Silat Seabad VI, Sengayon Malaysia dan Silat Tameng Sari UKM dan Karnival MASUM 2010.

Selain itu, anugerah olahragawan dan olahragawati harapan disandang Maniyarasan a/l Sabapathy dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT) dan Darinie Awang Mohdar dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang membawa peluang wang tunai RM 100 berserta trofi dan sijil penyertaan.

Manakala pasukan terbaik disandang oleh kumpulan Kayak yang memperoleh wang tunai RM 250 berserta trofi dan sijil penyertaan.

Sementara itu, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dinobatkan sebagai johan bagi Pasukan Terbaik Kejohanan Sukan Antara Fakulti 2010.

Hadir sama Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim.



Pelajar FK Kimia & Sumber Asli UPM Naib Juara Pertandingan Pembentangan Kertas Kerja Shell (S-SPEC 2011) anjuran Shell Malaysia Sdn. Bhd.

Dua pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP menjadi naib juara Pertandingan Pembentangan Kertas Kerja Shell (S-SPEC 2011) anjuran Persatuan Jurutera Petroleum, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan tajaan Shell Malaysia Sdn. Bhd. pada 5 April 2011 yang lalu.

Cheryl Yeung Suet Ling menang tempat kedua bagi kategori persembahan kertas kerja terbaik yang berjaya mengalahkan peserta dari Universiti Indonesia.

Beliau membawa pulang wang tunai RM 1500, trofi dan sijil penghargaan.

Manakala, Mohd Irwan Shah Md Zain membawa pulang RM 300 berserta sijil penghargaan setelah diumumkan menang tempat kedua mengalahkan peserta dari UTM dalam kategori persembahan kertas kerja terbaik.

Pertandingan menyaksikan Universiti Teknologi Petronas (UTP) menjadi juara bagi kedua-dua kategori.

Lain-lain peserta yang mewakili UMP bagi pertandingan poster peringkat prasiswazah ialah Norashikin Mohd. Taha dan Tham San Chin.

Selain itu, Marmy Roshaidah Mohd. Salleh mewakili UMP bagi pertandingan kertas kerja peringkat pascasiswazah.

Menurut Mohd. Irwan, beliau tidak menyangka menang dalam pertandingan ini memandangkan saingan yang sengit lebih daripada 200 peserta.

Beliau berjaya menempatkan dirinya ke pusingan kedua yang terdiri daripada 16 peserta bagi dua kategori iaitu peringkat siswazah dan prasiswazah dalam pertandingan persembahan poster terbaik.

“Penyertaan dinilai dalam menyampaikan persembahan hasil kajian penyelidikan, kandungan dan kreativiti poster,” katanya.

Menurutnya, penyertaan ini juga memberinya peluang meninjau kerjaya dengan pihak Shell setelah tamat pengajian nanti.



Rombongan UMP hulur sumbangan bantu keluarga pelajar



Rombongan daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS), Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (CHEST), Persatuan Wanita (MATAHARI) dan staf Pejabat Naib Canselor telah menghulurkan sumbangan kepada keluarga pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Roslan Dzulkifli pada 10 April 2011 yang lalu.

Sumbangan yang berupa wang tunai, pakaian dan juga barang-barang keperluan harian itu adalah bagi meringankan beban yang ditanggung Roslan sekeluarga yang menetap di Kampung Chempaka, Kota Bharu, Kelantan. Ibu Roslan, Normah Husin kini menderita penyakit kulit kronik.

Menurut ayah Roslan, Dzulkifli Roffeen, 57, isterinya yang merupakan seorang suri rumah tangga mengalami kulit mengelupas serta gatal selain bengkak keseluruhan muka sehingga sukar untuk membuka mata, bercakap dan berjalan.

“Saya amat terharu dengan sumbangan ini kerana sejak berita mengenai isteri saya tersiar di akhbar, orang ramai tidak putus-putus datang untuk menghulurkan sumbangan.

“Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang membantu keluarga saya selain memberikan kata-kata semangat.

“Sebagai seorang ayah, saya amat berharap agar Roslan berjaya dalam pengajiannya di UMP dan turut membantu orang yang kurang bernasib baik,” katanya

Beliau juga berharap agar anaknya itu dapat mengambil iktibar daripada kesusahan mereka selama ini kerana tidak mahu anaknya itu mengalami nasib yang sama sepertinya.





Najwa

Jurutera muda berhasrat tubuh syarikat kejuruteraan sendiri

Peluang keemasan yang diberikan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam menjalani latihan praktikal di akhir pengajian ternyata memberi kelebihan kepada bekas graduan Ijazah Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Najwa Mohd Nor apabila berjaya menjawat jawatan sebagai jurutera di Syarikat Rapat Nusantara setelah menunjukkan pencapaian yang cemerlang selama enam bulan menjalani latihan praktikal di sana.

Anak kedua daripada enam beradik ini telah diberikan kepercayaan yang tinggi oleh syarikat dengan melukis dan melakar lukisan kejuruteraan dan teknikal yang menjadi tulang belakang perniagaan syarikat tersebut.

Beridentitikan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), tenaga hijau (*renewable energy*), pengurusan sisa (*waste management*) dan kitar semula, skop tugas di Rapat Nusantara

bukanlah sesuatu yang baharu buat beliau kerana ilmu Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli sememangnya sudah sedia dipelajari sepanjang bergelar mahasiswi di UMP.

Menurut Najwa, beliau bukan sahaja dipertanggungjawabkan melukis dan melakar lukisan kejuruteraan dan teknikal tetapi turut diberi kepercayaan memimpin serta menyelia staf bawahan seramai 10 orang bagi menjalankan tugas dokumentasi sistem, membentangkan kertas kerja untuk pelanggan dan pelbagai tugas lain yang bukan sahaja memerlukan kepakaran sebagai seorang jurutera malah lebih kepada kepimpinan.

Namun, semua itu tidak memberi masalah besar kepada beliau kerana sepanjang pengajian di UMP, beliau sering terlibat dengan pelbagai aktiviti yang ternyata banyak memantapkan bakat kepimpinan beliau.

“Saya pernah menyandang jawatan Timbalan Pengerusi di dalam Majlis Sukan Pelajar (MSP) serta mewakili UMP dalam acara bola tampar di sukan MASUM dan secara tidak langsung, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum ini melatih sifat kepimpinan dalam diri saya,” ujar Najwa.

Walaupun baharu mencecah usia tiga tahun menerokai bidang pekerjaan, namun jurutera muda UMP ini menyimpan hasrat yang besar untuk menubuhkan syarikat perunding sendiri yang tertumpu pada tenaga hijau dan pengurusan sisa di Malaysia.

“Saya percaya dengan ilmu yang saya ada, saya mampu merealisasikan impian tersebut suatu hari nanti dan saya perlu bekerja keras untuk menuju ke arah tersebut,” tegas Najwa yang berpegang kepada prinsip *learn how to make things happen*.

Emma Sofia menempatkan diri di syarikat gergasi dunia

Semasa bergelar mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP), Emma Sofia Zulkifli sudah pun melangkah ke alam pekerjaan apabila menyertai Media Lab Studio (MLE) yang disertai oleh tujuh orang mahasiswa UMP yang terdiri daripada rakan-rakannya sendiri.

Ternyata kelebihan dalam meneroka alam pekerjaan pada peringkat awal ini membantu beliau untuk menyesuaikan diri dalam dunia pekerjaan yang lebih mencabar selepas tamat pengajiannya.

Beliau kini menjawat jawatan sebagai Service Analyst di Syarikat DHL IT Services yang sememangnya dikenali sebagai sebuah syarikat gergasi milik negara Jerman yang menawarkan perkhidmatan penghantaran secara meluas di serata dunia menuntut beliau bekerja dengan komitmen yang cukup tinggi mengikut syif kerja yang telah ditetapkan oleh pihak syarikat.

Menurut anak jati Selangor ini, beliau amat bersyukur sekali kerana sebaik sahaja menamatkan pengajiannya di UMP, telah memperoleh pekerjaan dalam bidang yang sama dengan skop pengajiannya dan ditempatkan pula di salah sebuah syarikat gergasi dunia.

“Pengalaman bekerja secara berpasukan yang saya peroleh ketika bersama-sama mengendalikan Media Lab studio dahulu membantu saya untuk menyesuaikan diri dalam suasana kerja di tempat baharu ini memandangkan di sini saya juga dikehendaki bekerja secara berpasukan untuk menjaga dan mengawal sistem yang digunakan di seluruh dunia,” jelas Emma yang meminati sukan kayak dan aktiviti *outdoor*.

Berpegang kepada prinsip bertekad tinggi dan tidak mudah berputus asa, Emma Sofia menyatakan hasratnya untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang yang diceburi supaya beliau dapat melebarkan sayap kerjayanya ke peringkat yang lebih tinggi lagi.





Syed Mohamad Hamzah dilantik ahli LPU baharu

Tuan Syed Mohamad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman selaku Pengarah Urusan AJ Infinite (M) Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP) atas kapasiti wakil Alumni bagi tempoh tiga tahun berkuat kuasa mulai 1 April 2011 hingga 31 Mac 2014.

Beliau merupakan graduan lulusan Kelas Pertama dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik), UMP pada

tahun 2006.

Beliau juga merupakan Presiden Persatuan Alumni UMP sejak awal penubuhannya pada tahun 2008. Beliau juga terlibat sebagai ahli lembaga pengarah dan perunding dengan syarikat swasta lain seperti Advanced Technology Corporation (M) Sdn. Bhd., AJ Infinite Enterprise dan sebagainya.

Syabas dan tahniah atas pelantikan ini. Selamat maju jaya dan selamat berkhidmat.

PELANTIKAN BAHARU/PENYAMBUNGAN JAWATAN GILIRAN



Profesor Madya Dr. Wan Azhar Wan Yusoff
Pengarah
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik
1 Mac 2011 hingga 28 Februari 2013



Dr. Mohd Ghani Awang
Pengarah
Penerbit UMP
1 April 2011 hingga 31 Mac 2013



Dr. Omar Jamaludin
Pengarah
Pusat Pengajian Berterusan &
Pembangunan Profesional
15 Mac 2011 hingga 14 Mac 2013



Profesor Dr. Zahari Taha
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
1 Mac 2011 hingga 28 Februari 2013



Profesor Ir. Dr. Md. Yusof Ismail
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan &
Pengurusan Teknologi
8 April 2011 hingga 15 September 2011



Abdul Aziz Mohd Azoddein
Pengarah
Makmal Berpusat UMP
1 April 2011 hingga 31 Mac 2013



Tuan Haji Hamdan Ahmad
Ketua
Bahagian Keselamatan
1 Mac 2011



Profesor Madya Ir. Adnan Zulkiple
Timbalan Pengarah
Unit Jaminan Kualiti Akademik
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik
10 Januari 2011 hingga 9 Januari 2013



Dr. Kamal Yusoh
Timbalan Pengarah
Unit Inovasi & Amalan Terbaik
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik
10 Januari 2011 hingga 9 Januari 2013



Dr. Chin Sim Yee
Timbalan Dekan
(Penyelidikan & Pengajian Siswazah)
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli
12 Januari 2011 hingga 11 Januari 2013



Profesor Dr. Shahrani Anuar
Timbalan Dekan
(Akademik & Hal Ehwal Pembangunan Pelajar)
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal
15 Mac 2011 hingga 16 Februari 2013



Noram Irwan Ramli
Timbalan Dekan
(Akademik & Hal Ehwal Pelajar)
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam
7 Februari 2011 hingga 6 Februari 2013



Mazlina Abdul Majid
Timbalan Dekan
(Pengajian Siswazah & Penyelidikan)
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan
Perisian
1 April 2011 hingga 31 Mac 2013



Profesor Madya Dr. Noor Azlinna Azizan
Timbalan Dekan
Jabatan Pengurusan Teknologi
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan
Teknologi
1 April 2011 hingga 31 Mac 2013

Relevankah perpustakaan yang luas?

Perpustakaan merupakan salah satu tempat yang sangat penting terutamanya di Institusi Pengajian Tinggi. Ia bukan sahaja tempat mendapatkan bahan bercetak; mendapatkan tunjuk ajar kaedah pencarian bahan yang lebih sistematik; tempat yang selesa untuk mengulang kaji pelajaran, membuat perbincangan, menonton dan sebagainya.

Kini, fungsi perpustakaan lebih luas kerana perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan juga lebih baik berbanding dahulu. Kemudahan auditorium bagi tujuan program universiti yang dapat memuatkan 205 peserta dalam satu-satu masa. Selain itu, kemudahan bilik seminar yang mampu memuatkan 60 peserta dalam bentuk bengkel dan melebihi 100 peserta dalam kapasiti ceramah. Bilik media dilengkapi dengan kemudahan pemain DVD, televisyen, sistem AV dan dilengkapi dengan saluran ASTRO. Semua kemudahan yang disediakan bagi mendekatkan perpustakaan dengan pengguna dan juga mengajak pengguna ke perpustakaan.

Ramai berpendapat masih

relevankah perpustakaan dalam bentuk fizikal yang luas sedangkan sebahagian bahan dapat diperoleh secara atas talian. Realiti di Perpustakaan UMP yang hanya mempunyai 56,383 naskhah bahan bercetak meliputi semua bidang umum, bidang sains, teknologi dan kejuruteraan. Daripada jumlah tersebut, sekitar 19,453 (35%) sahaja dalam bidang kejuruteraan dan 1,236 naskhah (2%) dalam bidang teknologi dan 3,424 (6%) dalam bidang sains.

Berbanding bahan atas talian sebanyak lima buku elektronik (*e-books*) dan 16 jurnal elektronik. Bayangkan sekiranya satu *e-books* dapat memuatkan lebih 2,000 naskhah *e-books* dan pangkalan data pula ratusan judul yang dilanggan di mana setiap judul mempunyai puluhan bilangan. Contohnya, *e-books E-Brary* sahaja mempunyai lebih 52,000. Manakala jurnal elektronik IEEEExplore mempunyai 2.9 juta. Jumlah keseluruhan bahan atas talian memang tidak dapat ditandingi oleh bahan bercetak.

Jika dilihat nisbah bahan atas talian dan bahan bercetak, sudah pasti ramai beranggapan

perpustakaan sewajarnya memerlukan ruang yang lebih kecil berbanding keluasan sekarang kerana bahan atas talian lebih banyak untuk dijadikan rujukan oleh pengguna. Perpustakaan juga memberi fokus kepada bahan atas talian kerana penggunaannya tidak terhad dalam satu-satu masa. Ia juga selaras dengan perkembangan teknologi masa kini.

Namun begitu, kemudahan fizikal dan ruang untuk pengguna tidak boleh diabaikan. Mengikut "Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos Bagi JPPN Jabatan Perdana Menteri tahun 2005", keluasan ruang pengguna perpustakaan mestilah dapat menampung 30 peratus bilangan pelajar dan 20 peratus bilangan staf. Ini bermakna keluasan ruang bacaan mestilah dapat menampung sekitar 1,711 pengguna dalam satu-satu masa.


Ramai beranggapan ruang perpustakaan terlalu besar, hakikatnya keluasan tersebut berdasarkan keperluan ruang dan menjadikan ia nampak luas apabila kurangnya pengguna di perpustakaan.

Memang tidak dinafikan ramai kalangan pelajar yang lebih gemar mengulang kaji di fakulti mereka atau tempat terbuka yang disediakan di serata tempat di dalam kampus. Tambahan pula dengan keprihatinan pihak universiti menyediakan akses wifi percuma membolehkan mereka mendapatkan bahan atas talian tanpa perlu ke perpustakaan.

Bilakah saat perpustakaan begitu penting buat para pelajar? Jawapannya adalah di musim peperiksaan. Jika anda berpeluang, datanglah ke perpustakaan sewaktu musim peperiksaan iaitu sebulan sebelum bermulanya peperiksaan. Semua bilik perbincangan dan ruang pengguna tidak lekang oleh para pelajar yang gemar menjadikan perpustakaan sebagai tempat mentelaaah.


Alangkah baiknya jika budaya ini dapat diteruskan di luar musim peperiksaan di samping mengoptimumkan penggunaan bahan bercetak. Marilah kita sama-sama memanfaatkan kemudahan yang kita ada untuk faedah diri sendiri, agama, bangsa dan negara!






Judul Buku : Modul Bijak-Bina Inspirasi Jaya Aktiviti Kumpulan
Pengarang : Felo (1KUMP)
ISBN : 978-967-0120-16-4
Harga : RM30.00
Jumlah Halaman : 107 muka surat

Modul Bina Inspirasi Jaya Aktiviti Kumpulan (BIJAK), membawa kita mengenali beberapa cara dan latihan mudah dalam membentuk dan menambah kemahiran-kemahiran asas yang sangat diperlukan oleh kita semua terutama mahasiswa dalam pengurusan hidup supaya lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Modul ini terdiri daripada empat modul iaitu modul kemahiran kepimpinan, modul kemahiran komunikasi, modul kemahiran kerja berkumpulan dan modul berfikir secara kritikal dalam penyelesaian masalah. Keseluruhan kandungan dalam modul Bina Inspirasi Jaya Aktiviti Kumpulan (BIJAK) ini akan memberi nilai tambah kepada mahasiswa dan peserta untuk memenuhi pasaran kerja dan mendepani kehidupan mereka dengan sempurna.



Tajuk : Civil Engineering Materials
Pengarang : Achmad Fauzi A.Wahab & Liza Evianti Tanjung
ISBN : 978-967-5050-89-0
Harga : RM60.00
Jumlah Halaman : 400 muka surat

The nine chapters in this book highlight the civil engineering matters taught at the Faculty of Civil & Environmental Engineering, Universiti Malaysia Pahang. The topics are sequenced according to the Civil Engineering Material, BAA 1312 syllabus for students in their first year of studies. It includes several major topics namely concrete, clay brick and tile, timbers, ferrous metal, non ferrous metal, plastic, glass and bituminous materials. The book serves to facilitate students' in depth knowledge and understanding on Civil Engineering Material course.




Tajuk : Industrial Safety and Environment Management
Pengarang : Anwar Ahmad
ISBN : 978-967-0120-05-8
Harga : RM84.00
Jumlah Halaman : 545 muka surat

The chapters in the 'Industrial Safety and Environmental Management' aim to enhance your role in contributing effectively as a member of your management team. In light of global workplace challenges, the book covers the technical standards and cultural approaches to industry assets and environmental protection in the international arena.

Get complete, updated coverage of:

- Safety and Health Systems Management
- Factory Rules and Occupational Health
- Industrial Management
- Standard, ISO and Developments
- Environmental Management



Tajuk : Natural Product R&D Leads From Nature
ISBN : 978-967-0120-07-2
Harga : RM75.00
Jumlah Halaman : 329 muka surat

The book is a compilation of selected proceedings from the Malaysian Products Silver Jubilee International Seminar held in Kuantan, Pahang, under the theme of 'Natural Product R&D: Lead from Nature.' By and large, natural products have taught researchers on the properties that can make molecules adept at getting into cells and binding proteins, as well as the many ways they can fail. However, it moves at a relatively slow pace, entailing the collection and preparation of specimens and the isolation, purification and structural determination of active agents. Inadvertently, these make natural product researches appear tedious and expensive. The rapid assays used by pharmaceutical companies, on the other hand, demand a steady flow of new compounds to screen. All these factors have led many pharmaceutical companies to cut off natural products programs.

Landskap edible serlahkan persekitaran sihat di dalam kampus

Oleh: MOHAMMAD AFFENDY OMARDIN

Pendekatan landskap edible merupakan satu langkah positif dalam menghijaukan persekitaran. Ia merupakan satu pendekatan reka bentuk taman yang menggunakan gabungan pelbagai spesies tanaman makanan, herba dan hiasan. Pengarapan landskap edible di sarankan 70 peratus ditanam berbentuk tanaman makanan dan selebihnya 30 peratus kepada tanaman hiasan. Kelebihan landskap edible bukan sahaja memberikan keindahan, tetapi tumbuhannya juga sesuai bagi tujuan ulaman, perisa dan ubatan.

LANDSKAP EDIBLE

Tumbuhan yang sesuai bagi landskap edible adalah jenis belimbing buluh, betik, cekur, daun kari, kangkung, daun kesum, limau kasturi, limau nipis, kelapa, kucai, daun pegaga, pandan wangi, serai makan, terung buah, terung pipit, ubi keledak, ubi kayu dan ulam raja.

Manakala spesies herba pula terdiri daripada bakawali, ati-ati, bintang tujuh, bunga china, buah pala, cekur hitam, cengkih, delima, hempedu bumi, kantan puth, lempoyang, lidah buaya, limau pagar, melur, mas cotek, selasih hijau, pokok halau nyamuk, nilam, nam-nam dan puding semangkuk.

Bagi mengindahkan lagi persekitaran tanaman jenis bunga yang paling sesuai ialah bunga tasbih, ekor kucing, kemuning, lavender, mengkudu siam, senduduk ungu, siantan, setawar, lolipop dan kenanga.

Khasiat Landskap Edible

Khasiat spesies jenis edible dikatakan boleh menyumbang baik kepada kesihatan. Dedaun cekur boleh mengubat sakit otot, sendi, sakit tekak dan malaria, cekur manis pula dikatakan baik dalam pengubatan leukimia, batuk dan demam.

Selain itu, penawar kesihatan selasih hijau dapat mengurangkan batuk, sakit kepala dan gastrik. Daun dari sambung nyawa merah pula mampu menyembuhkan penyakit barah dan demam. Manakala helaian dari bintang tujuh, jarum tujuh bilah boleh menyembuh penyakit kencing manis dan darah tinggi.

Halia dari spesies edible juga boleh digunakan sebagai perisa makanan dan pokok kangkung boleh digunakan dalam masakan dan rawatan buasir, sakit kepala dan sukar tidur.



Sementara itu, pokok kari mempunyai tabiat pertumbuhan yang malar hijau, tumbuh menegak, bercabang banyak dan padat. Pokok ini mempunyai khasiat ubatan yang amat berguna di mana akar pokok mempunyai khasiat bagi mengubati luka akibat gigitan binatang berbisa. Pokok perisa beraroma yang mempunyai khasiat berbau rempah menjadikannya sesuai sebagai penghias dan penyeri kawasan landskap.

Komuniti sihat di kampus

Landskap edible boleh memberikan ketenangan bagi kawasan universiti. Penerapan landskap yang teratur dan pejalan kaki reflexologi boleh memberikan tarikan elemen kesihatan kepada penghuni kampus. Hasil tuaian landskap edible juga mampu memberikan nilai komersial kepada komuniti luar. Malah, kesedaran memakan tumbuhan herba dan sayuran boleh diterapkan kepada komuniti kampus.

Landskap edible memanfaatkan ruang terbiar

Tumbuhan yang menghijau boleh menjadikan ruang terbiar di sekitar kawasan kampus boleh dimanfaatkan. Keindahan pokok-pokok spesies hiasan boleh mewarnai persekitaran. Bau-bauan yang harum dan segar dapat menjadi terapi kepada kesihatan. Selain itu ia juga turut memberikan ruang untuk bersantai di samping mengindahkan kawasan kampus. Gabungan tumbuhan organik bersama dengan landskap air boleh dijadikan sebagai elemen hiasan.

Landskap edible memantapkan penyelidikan ilmiah

Tanaman edible boleh memantapkan penyelidikan hijau. Dengan memanfaatkan landskap ini, ia boleh menjadikan kampus sebagai peneraju kepada teknologi hijau. Kepakaran penyelidik-penyelidik boleh memperluaskan data penyelidikan serta penemuan baharu dalam inovasi perubatan herba.

Landskap edible pendekatan hijau kepada komuniti kampus

Sebagai pendekatan awalan, pelajar yang berminat boleh diberikan satu kawasan yang membolehkan mereka menanam jenis herba yang mereka minati. Pendekatan ini sebagai satu program kehijauan dalam kampus. Program agro-keusahawanan boleh menjadikan landskap edible produk tempatan yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Merealisasikan landskap edible

Pihak luar yang berketerampilan boleh menyumbang kepada pembentukan landskap ini baik dari segi kewangan, peralatan dan kepakaran. Landskap edible bukan sahaja memberikan keindahan, kesegaran dan terapi kesihatan malahan memberikan pengetahuan kepada mengenal alam semula jadi ciptaan yang Maha Esa.

Kelebihan landskap edible bukan sahaja memberikan keindahan, tetapi tumbuhannya juga sesuai bagi tujuan ulaman, perisa dan ubatan.

Rujukan

1. Hanim Ahmad (2009) Koleksi Spesies Landskap Edible, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).
2. Zulkifli Hanafi (2001) Teori dan Prinsip Reka Bentuk, Amber Solara Publication.
3. Best Rick (2003) Workplace Strategies and Facilities Management, Butterworth-Heinemann.

Penulis ialah pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Awam @ Sumber Alam, UMP.



Pesanan untuk Pelajar dan Mahasiswa Malaysia

Oleh: HASNAH HUSSINI

Kita baharu sahaja didedahkan dengan konsep 1Malaysia oleh Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak. Semua pihak harus sedar bahawa konsep 1Malaysia tidak akan berjaya tanpa peranan dan sumbangan semua lapisan masyarakat sama ada yang tua atau yang muda. Tetapi satu perkara yang perlu kita renungi adalah peranan generasi muda kita dalam pembinaan negara bangsa pada masa hadapan. Generasi muda yang menjadi harapan kita sudah tentulah pelajar sekolah dan golongan mahasiswa. Pada bahu merekalah terletak harapan negara dan apa yang lebih penting pada masa kini adalah memastikan kelestarian perjalanan dan pelaksanaan konsep 1Malaysia.

Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira dan diambil perhatian oleh generasi pelajar dan mahasiswa masa kini agar mereka menjadi generasi pengganti yang betul-betul berwibawa, cemerlang dan gemilang. Antaranya adalah:

Pelajar masa kini perlu perubahan minda

Untuk menjadi sesuatu bangsa yang maju, kita perlu perubahan minda. Kita tidak boleh berfikir kolot dan berada di takuk lama kerana zaman sentiasa berubah dan pemikiran kita juga perlu berubah. Sebagai seorang pelajar atau mahasiswa, kita perlu mengubah minda kita agar kita tidak dikatakan ketinggalan zaman. Dalam hal ini, kita sebagai pelajar tidak boleh lagi bersikap menjadi pak turut, tidak berfikir dan sentiasa berpuas hati dengan apa yang ada. Kita seharusnya bersikap suka mencari ilmu yang baharu, melakukan sesuatu yang orang lain belum buat, kreatif, serta mencari idea-idea dan teknologi baharu. Pelajar masa kini juga perlu berani keluar dari kepompong dan berani mencari tempat untuk bersama-sama dengan bangsa dan negara lain khususnya dalam usaha menyelidik ilmu-ilmu baharu.

Pelajar perlu faham apa yang dibaca dan dipelajari

Para pelajar juga perlu mempunyai sikap memahami dan mengetahui apa yang dia baca. Ini penting kerana kebanyakan daripada generasi pelajar pada masa kini sudah pandai membaca dan banyak

membaca bahan-bahan bacaan yang pelbagai dan dalam bahasa yang berbagai tetapi sejauh manakah mereka memahami apa yang mereka telah baca dan pelajari. Dalam hal ini pemahaman kita terhadap sesuatu dengan lebih mendalam adalah sangat penting kerana ia memberikan kita keyakinan diri apabila berdepan dengan persoalan atau permasalahan. Sebagai contoh, semua pelajar sekolah menengah belajar subjek Sejarah. Bolehlah kita katakan semua pelajar di Malaysia tahu tentang Sejarah Penjajahan Komunis di Tanah Melayu. Tetapi berapa ramai di antara pelajar kita yang memahami apa itu Komunis? Pelajar juga didedahkan dengan sejarah darurat. Tetapi apabila ditanyakan apa itu darurat, berapa ramai di antara pelajar kita yang boleh menerangkan erti dan kesan darurat secara mendalam.

Pelajar perlu belajar sejarah untuk meramal apa yang berlaku

Tidak ramai yang tahu di sebalik rahsia ilmu sejarah. Sebagai manusia kita hidup dengan sejarah tidak kira negara, agama, masyarakat dan diri kita sendiri bermula dari sejarah. Sejarah sebenarnya mempunyai peranan lebih daripada memberikan pengajaran. Salah satu peranan dan sumbangan ilmu sejarah kepada kita adalah ia membolehkan kita meramalkan apa yang akan berlaku. Tidak ada manusia di dunia ini yang tahu apa yang akan berlaku di masa hadapan. Tetapi dengan belajar sejarah, generasi pada hari ini boleh meramalkan dan boleh mengagak apakah yang akan berlaku kepada negara dan masyarakat pada masa hadapan berdasarkan apa yang telah berlaku dalam sejarah. Justeru, pelajar dan mahasiswa masa kini tidak boleh memandang ringan akan subjek sejarah dan ia mempunyai impak yang besar kepada negara dan masyarakat.

Pelajar perlu ada matlamat atau wawasan

Sebagai seorang pelajar, seseorang itu hendaklah mempunyai visi atau wawasan apa yang ingin dicapai dalam hidupnya pada masa akan datang. Wawasan diletakkan sebagai perkara paling penting untuk menjadi cemerlang memandangkan tanpa wawasan seseorang itu tidak tahu di mana arah dia hendak pergi. Justeru, sebelum

melakukan sesuatu, tanamkan apakah wawasan anda dalam apa jua tindakan yang dilakukan. Dalam dunia pendidikan khususnya mahasiswa, berjaya dalam pelajaran sepatutnya menjadi keutamaan. Matlamat ini perlu jelas memandangkan anda akan berfikir apa aku nak jadi pada masa depan, bagaimana hendak mengubah nasib keluarga, dan bagaimana aku ingin menjadi orang terkenal pada masa depan. Persoalan-persoalan ini akan bermain di fikiran anda setelah anda tanamkan wawasan dalam diri anda. Keadaan ini secara tidak langsung akan memberi semangat untuk kita berusaha untuk mencapai cita-cita tersebut.

Pelajar perlu menggali bahan-bahan pembelajaran di luar subjek

Antara ciri-ciri orang cemerlang ialah berfikir di luar kepompong tradisi dan sentiasa menerima perubahan dengan positif. Ini disebabkan oleh pembacaan mereka yang banyak dan tidak terhad kepada subjek atau topik yang diajar di dalam kelas. Untuk menjadi seorang pelajar cemerlang kita kena mulakan pada hari ini juga dengan membaca dan membuat rujukan tambahan. Tidak semestinya kita pelajar sains kita membaca bahan-bahan dan maklumat berkaitan sains sahaja dan menganggap maklumat berkaitan teknologi, sains sosial, agama, kemasyarakatan dan sebagainya tidak berkaitan. Harus diketahui bahawa, setiap ilmu yang diperturunkan oleh Allah itu ada kaitan di antara satu sama lain dan tidak ada ilmu yang tidak ada kegunaannya.

Pelajar perlu sentiasa "dahagakan" ilmu

Sebagai seorang mahasiswa, kita perlu menghayati konsep ilmu dengan sempurna. Dalam hal ini, kita mesti berlumba mencari ilmu ke tahap yang paling cemerlang dan terbaik yang pernah kita lakukan. Kita juga perlu sedar bahawa ilmu adalah pedoman hidup. Tanpa ilmu kita tidak akan kemana-mana bak perahu yang tidak ada kemudinya. Kita juga perlu sedar bahawa ilmu itu tidak ada sempadan, tepi, tengah dan belakang. Konsep ilmu itu amat luas. Justeru, kita perlu sentiasa mencari ilmu pengetahuan tanpa henti atau dalam bahasa Inggerisnya dipanggil sebagai *longlife learning*. Sikap ini perlu kita tanamkan dalam diri kita

Untuk menjadi sesuatu bangsa yang maju, kita perlu perubahan minda. Kita tidak boleh berfikiran kolot dan berada di takuk lama kerana zaman sentiasa berubah dan pemikiran kita juga perlu berubah.

Jika kita ingin memartabatkan kedudukan kita sebagai masyarakat yang berilmu. Matlamat orang yang berilmu tidak mati selesai sahaja mereka tamat pengajian, berkerjaya dan berumahtangga. Usaha menjejaki ilmu ini perlu dilakukan bukan setakat sejauh mana yang kita boleh pergi, tetapi apa yang perlu kita tanya pada diri kita ialah apakah kita sudah merasa puas dengan ilmu yang kita ada.

Baca apa sahaja

Sebagaimana yang diketahui ilmu itu sangat luas dan tak terhingga banyaknya. Jadi bagaimanakah seseorang yang sudah cukup tinggi ilmunya boleh mengatakan bahawa dia sudah mempunyai ilmu yang banyak. Sikap ini perlu dikikis dari diri setiap pelajar kerana selagi kita hidup selagi itulah kita perlu sentiasa mencari ilmu. Apa yang berlaku di kalangan pelajar pada masa kini adalah mereka suka menghadkan bacaan mereka kepada apa yang mereka belajar sahaja iaitu membaca bahan-bahan bacaan dalam bidang mereka sahaja, luar dari bidang mereka dianggap tidak sesuai atau bukan bidang mereka. Sebagai contohnya, pelajar dalam bidang kejuruteraan, tidak perlu membaca buku berkaitan dengan kejuruteraan sahaja mereka juga perlu membaca perkara-perkara berkaitan keagamaan, kesihatan,

pengajian sosial dan sebagainya. Ini penting kerana apabila mereka keluar bekerja nanti, mereka juga akan hidup dalam masyarakat, justeru itu mereka perlu mempelbagaikan ilmu mereka agar mereka menjadi manusia yang berguna untuk agama, bangsa dan negara. Dalam hal ini sebagai seorang pelajar kita tidak boleh membaca buku-buku yang berkaitan dengan diri kita saja, kita perlu memperluaskan ilmu pengetahuan dan minda kita dengan cara membaca apa saja ilmu. Membaca apa saja buku akan meluaskan minda kita dan ini secara tidak langsung akan membantu kerajaan untuk membentuk generasi yang berfikiran kelas pertama.

Agama sebagai asas pergaulan

Semua manusia di dunia ini saling memerlukan di antara satu sama lain dan tidak ada orang yang boleh hidup berseorangan. Allah memang menjadikan manusia untuk hidup berpasang-pasangan. Hubungan murni antara manusia ada pelbagai seperti hubungan antara anak dan ibu bapa, adik beradik dan kawan-kawan. Hubungan ini dibentuk melalui pergaulan yang mesra antara dua pihak. Sebagai seorang pelajar asas kepada pergaulan kita adalah antara kita dan kawan-kawan sebaya. Harus

diingat bahawa kita perlu menjadikan agama sebagai asas dalam pergaulan kita seharian. Jika kita menjadikan agama sebagai dasarnya maka kita akan dapat membina hubungan dan pergaulan yang baik dan berkekalan sehingga ke akhirnya. Menjadikan agama sebagai dasar dalam pergaulan kita akan dapat mengelakkan daripada berlakunya salah faham, perasaan dengki dan syak wasangka, iri hati dan sebagainya. Hasilnya, hubungan dan pergaulan kita akan membentuk rasa sayang menyayangi, kekitaan, kesatuan dan apa yang lebih penting adalah ia mengelakkan kita daripada melakukan sesuatu di luar batasan keagamaan.

Apa yang dibincangkan ini merupakan sebahagian daripada beberapa pesanan yang khas ditujukan kepada pelajar dan mahasiswa yang bakal menjadi pemimpin negara di masa hadapan. Justeru, marilah bersama kita hayati agar kita menjadi modal insan yang mampu membentuk 1Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sains & Kemusiaan, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemusiaan, UMP



**PENGAMBILAN PELAJAR PROGRAM DIPLOMA
SEPARUH MASA
SESI KEMASUKAN SEPTEMBER
2011**

- **DIPLOMA KEJURUTERAAN KIMIA (LOJI PROSES)**
- **DIPLOMA KESELAMATAN PEKERJAAN, KESIHATAN INDUSTRI & ALAM SEKITAR**

Hubungi Kami:

Tel : 09-549 2629 / 3376 / 2086

H/P : 012-901 1051

Faks : 09-549 3323

Web : <http://cenfed.ump.edu.my>

e-Mel : cenfed@ump.edu.my





Universiti Malaysia PAHANG

Diterbitkan oleh:
UNIT PENERBITAN & GRAFIK
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel. : 09 549 2501
Faks : 09 549 3199
e-Mel : pro@ump.edu.my